


Jilid I
Bil. 77



Hari Rabu
3hb Disember, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua dan Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop
[Ruangan 8453]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan
8454]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976:

Jawatankuasa (Hari Kedelapan)—

Jadual:

Kepala B. 22 [Ruangan 8488]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976:

Jawatankuasa (Hari Kedelapan)—

Kepala P. 22 [Ruangan 8488]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 3hb Disember, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

„ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).

„ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).

„ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

„ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).

„ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, (Silam).

„ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

„ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

„ TUAN OH KENG SENG (Petaling).

„ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).

„ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

„ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

„ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).

„ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).

„ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).

„ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

„ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).

„ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).

„ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).

„ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).

„ TUAN SU LIANG YU (Beruas).

„ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).

„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).

Yang Berhormat DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

Yang Berhormat TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, p.s.m. (Padang Rengas).

- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P. P.J.K., (Mantin).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., B.K., J.P. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M., (Hilir Padas).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M. S.P.M.K., (Ulu Kelantan).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

TERIMA KASIH KEPADA TIMBALAN YANG DI-PERTUA DAN TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sangatlah dukacita kerana tidak dapat bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian menjalankan tugas saya di Dewan ini semenjak kita bersidang pada kali ini kerana sebab keuzuran, saya mohonlah sebanyak-banyak maaf.

Saya suka juga mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir dan juga Yang Berhormat Ahli dari Padang Rengas, Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz Yeop, kerana kedua-duanya telah menguruskan Dewan ini dengan kejayaan sepenuhnya. Semalam Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua telah berlepas terbang dengan selamatnya ke Juddah untuk menunaikan fardhu haji. Oleh yang demikian, Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru akan terus menggantikan saya pada bila-bila masa saya tidak ada mempengerusikan Dewan ini.

Saya suka memaklumkan juga selepas kita membicarakan Kementerian Pertahanan, Dewan akan kembali membicarakan dalam Jawatankuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Sebagai peringatan akhir kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam masa saya cuti berehat kerana keuzuran saya tidak lupa menatap Penyata Rasmi Parlimen (Hansard) tiap-tiap hari dan dalam Hansard itu saya dapati ada dicatitkan menunjukkan banyak kali benar Yang di-Pertua ataupun Pengerusi terpaksa kena menegur Ahli-ahli Yang Berhormat, terutamanya bila bercakap minta pandang kepada Yang di-Pertua. Kedua, bila Yang di-Pertua Dewan membuat teguran atau menyampuk, kenalah Ahli Yang Berhormat yang sedang bercakap itu duduk. Kedua-dua syarat ini memang tercatat dalam Peraturan Mesyuarat kita. Jadi, kerana hendak mengelakkan

daripada Yang di-Pertua terpaksa kena menegur setiap kali kedua-dua Peraturan ini dilanggar, saya harap mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tolonglah perhatikan akan kedua-dua syarat mustahak yang ada dicatit di dalam Peraturan Mesyuarat kita.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

AKTA KEMAJUAN (PINDAAN) PETROLIAM, 1975

1. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24*)
(2) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada Akta Kemajuan (Pindaan) Petroliam, 1975 yang memperkehendakkan syarikat-syarikat yang memproses, mengilang, menapis, memasar atau membahagi-bahagi petroliam atau keluaran-keluaran petrokimia untuk mengeluarkan dan menjual syer-syer pengurusannya kepada PETRONAS telah dilaksanakan;
- (b) jika tidak, beri sebab-sebab kelayatan ini; jika ya, beri butir-butir lanjut tentang pelaksanaan tersebut dan masalah-masalah yang dihadapi; dan
- (c) syarikat-syarikat dan firma-firma yang akan terjejas oleh pelaksanaan Akta Pindaan ini.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tujuan Akta tersebut ialah untuk membolehkan Kerajaan, melalui PETRONAS, mengawal perusahaan-perusahaan penting supaya dapat menentukan bekalan yang cukup dan harga yang berpatutan. Pada masa ini, PETRONAS belum lagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta tersebut.
- (b) Pada masa ini belum ada lagi syarikat yang dikehendaki mengeluarkan syer-syer pengurusannya kepada PETRONAS oleh sebab PETRONAS sedang mengkaji perkara ini dengan tujuan menentukan syarikat-syarikat yang patut dikawal itu.

- (c) Hanya syarikat-syarikat yang mengendalikan pengeluaran petroliaam dan petro-kimia yang difikirkan penting bagi ekonomi negara sahaja akan diminta mengeluarkan syer-syer tersebut.

Dalam pada itu pun PETRONAS sedang berunding dengan beberapa syarikat untuk mendapatkan "majority control" dengan cara membeli syer-syer syarikat itu.

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA— MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT

2. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai di dalam usaha-usaha penyusunan semula masyarakat di bawah Rancangan Malaysia Kedua;
- (b) berapakah bandar-bandar baharu yang telah dibina di dalam Rancangan Malaysia Kedua sehingga hari ini dan nama-namanya; dan
- (c) apakah kesan-kesan Rancangan Malaysia Kedua ke atas kedudukan ekonomi Bumiputra sejak ianya dilancarkan dalam tahun 1971 hingga akhir tahun 1974.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hingga masa ini belumlah dapat dipastikan setakat mana kita telah mencapai matlamat menyusun semula masyarakat di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Bagaimanapun dalam tempoh 1971-1975 Kerajaan telah menyediakan peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan untuk menambah penyertaan Bumiputra dalam sektor ekonomi modern menerusi PERNAS, UDA, MARA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Kemajuan yang dicapai boleh dilihat dari bertambahnya bilangan peniaga-peniaga Bumiputra seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian kepada Dewan ini pada 28-10-75.
- (b) Dalam tempoh yang sama belum ada bandar-bandar baru yang siap dibina. Pusat-pusat pertumbuhan baru seperti Bangi di Selangor, Bandar Tenggara di Johor Tenggara dan Bukit Ridan

di Pahang Tenggara masih dalam peringkat perancangan dan menyediakan tapak serta infrastrukturnya.

- (c) Seperti saya katakan tadi, Rancangan Malaysia Kedua telah dapat menambah bilangan peniaga-peniaga Bumiputra dan meninggikan lagi penyertaan mereka dalam sektor ekonomi modern.

Tuan Haji Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Walaupun bandar-bandar baharu belum didirikan oleh Kerajaan dari segi dasar ekonomi baru tadi seperti Yang Berhormat sebutkan, adakah Kerajaan berfikir bahawa apabila ditubuhkan bandar baharu itu dirancang sekurang-kurangnya 90% lebih diberi peluang kepada bumiputra berniaga di situ untuk melatih dirinya dalam perusahaan dan perniagaan.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah hasrat Kerajaan untuk membolehkan bumiputra mengambil peranan yang penting dalam penyertaan perniagaan dan masaalah percentage itu akan ditimbangkan.

BANGUNAN PARLIMEN— KESELAMATAN

3. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abd. Rahim minta Perdana Menteri menyatakan samada kawasan Bangunan Parlimen ini akan dipagar atau satu pasukan kawalan akan ditempatkan buat menjaga keselamatan Bangunan ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kawasan Bangunan Parlimen akan dipagar dengan secepat mungkin. Di samping itu kawasan tersebut adalah sentiasa dikawal oleh pasukan Polis. Saya juga suka mengulangi balik kepada Dewan ini bahawa kawasan bangunan Parlimen akan dipagar tidak lama lagi dan peruntukan sebanyak \$85,000 telahpun diberi kepada Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia, Cawangan Bangunan bagi menjalankan kerja tersebut dan adalah menjadi harapan Kerajaan supaya pagar ini boleh disiapkan sebelum kita bersidang pada kali yang akan datang.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri sedar wang yang sebanyak

\$85,000 untuk pagar kawasan Parlimen yang seluas 40 ekar ini tidak sesuai dengan sebuah tempat menjadi lambang negara ini sebagai satu tempat yang dilawati oleh orang ramai. Jadi, kalau dapat ditambah lagi wang supaya dibuat pagar sebagaimana di tempat yang indah-endah dan besar seperti Istana Negara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah pertanyaan tambahan Yang Berhormat itu?

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Kalau ditambah lagi wang kerana tak sesuai dengan \$85,000 Parlimen ini dipagar.

Tuan Yang di-Pertua: Kemukakanlah dengan jalan pertanyaan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan. Adakah cadangan untuk menambahkan lagi peruntukan \$85,000 itu, kerana tidak mencukupi dan tidak sesuai hendak memagar Parlimen ini?

Tuan Yang di-Pertua: Begitulah caranya.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut taksiran J.K.R., wang sebanyak ini mencukupi. Jadi, kalau tidak cukup esok, kita akan timbangkan.

UMUR KAKITANGAN KERAJAAN— MEMBETULKAN

4. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi membetulkan umur seseorang kakitangan Kerajaan supaya sama antara yang tercatat dalam rekod perkhidmatan pada caruman K.W.S.P. dan juga di dalam Kad Pengenalan kerana terdapat banyak pekerja-pekerja yang masih muda telah dipersarakan dan di sebaliknya pula yang sudah tua benar masih lagi bekerja; sekiranya langkah-langkah konkerit belum diambil adakah Kerajaan bercadang untuk menentukan umur manusia secara "Biological sciences" atau "medical sciences".

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap kakitangan Kerajaan untuk memberi tarikh lahirnya yang tepat lagi benar dalam Buku Perkhidmatan, Rekod Pencaruman

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kad Pengenalannya serta dokumen-dokumen rasmi yang lain.

Andaikata, terdapat tarikh lahir yang sebenar itu tidak direkodkan dengan betul dalam dokumen-dokumen rasmi, sepatutnya dia memberitahu pihak berkuasa yang berkenaan dengan segera yang boleh sebelum dia menandatangani.

Saya ingin tegaskan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara, K.W.S.P. dan Ketua-ketua Jabatan Kerajaan sentiasa mengawasi tentang rekod peribadi pekerja-pekerja Kerajaan dan orang ramai, seperti tarikh lahir dan sebagainya.

Oleh itu, saya rasa tidaklah perlu dijalankan cara menentukan umur manusia seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai itu.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah cara-cara yang telah dibuat untuk menentukan umur seorang pegawai yang pada waktu itu tidak mempunyai rekod tentang kelahirannya, umpamanya, dalam tahun 1948 baharu sahaja kad pengenalan diselenggarakan. Jadi, orang-orang yang bekerja sebelum daripada tahun 1948 itu tidak mempunyai tarikh beranak yang sebenar mengikut rekod, sebab tidak ada rekod yang disimpan waktu itu. Jadi, apakah cara-cara telah dibuat oleh pihak Jabatan Perdana Menteri untuk menentukan umur pegawai-pegawai tersebut?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pegawai Kerajaan atau kakitangan Kerajaan mempunyai peluang untuk membaiki sebarang kesalahan maklumat yang dicatitkan di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan yang disiapkan sebelum mereka menandatangani buku itu sebagai mengesahkan maklumat yang diberinya. Tetapi, setelah Buku Perkhidmatan Kerajaan itu ditandatangani segala maklumat yang tercatat adalah muktamad (final) dan tiada apa-apa pindaan dibenarkan lagi. Peraturan demikian terkandung dalam Perintah Am Kerajaan.

KAKITANGAN DI PEJABAT KEBU- DAYAAN DAERAH

5. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abd. Rahim minta Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan menyatakan mengapa di Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan di daerah-daerah

itu cuma ditempatkan seorang sahaja pegawai tanpa kerani atau pekerja-pekerja lain, sungguhpun kerja dan aktiviti Belia di daerah-daerah terlalu banyak.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Rais bin Yatim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedia maklum tentang kekurangan kerani-kerani dan kakitangan lain bagi membantu pejabat-pejabat di beberapa daerah dan bagi membantu pegawai-pegawai kebudayaan belia dan sukan dalam menjalankan tugas masing-masing. Langkah-langkah telah dan sedang diambil bagi mengatasi masalah ini dengan mengisi jawatan-jawatan tersebut secara berperingkat-peringkat. Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan pada tahun 1973 telah meluluskan cadangan Kementerian ini bagi mengisi jawatan-jawatan itu, tetapi memandangkan keadaan ekonomi negara sekarang, pengisian jawatan-jawatan yang berkenaan terpaksa diperingkatkan mengikut keutamaan.

ALAT-ALAT PANDANG DENGAR DI YUNIT LUAR, SARAWAK

6. Penghulu Abit anak Angkin minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau akan mengkaji kemudahan-kemudahan seperti kelengkapan-kelengkapan dan alat-alat pandang dengar yang ada pada Yunit-yunit Luar di Sarawak dan juga pemberian lebih banyak lagi filem-filem baru kepada Yunit-yunit Luar ini supaya filem-filem lama tidak akan disimpan dan ditayang berbulan-bulan di tiap-tiap kawasan.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan untuk Yunit Luar memang selalu dibaharui oleh Kementerian ini, di mana kekurangan ditambah, di mana yang buruk digantikan dengan yang baharu mengikut keadaan kewangan kita. Begitu juga tentang filem-filem yang lama biasanya ditarik balik dan yang baharu diedarkan. Buat masa ini Filem Negara sedang berusaha menerbitkan beberapa buah filem untuk keperluan Mobile Unit ini. Masalah yang besar ialah kekurangan penulis-penulis dalam mengeluarkan filem ini.

EKONOMI MEROSOT

7. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau bersedia untuk mengatasi kemerosotan ekonomi yang lebih buruk negara ini, dan jika ya, bagaimana dengan tujuan untuk tidak mengalakkan pengangguran dan kekurangan bahan-bahan eksport.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sendiri maklum Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan telah menjelaskan langkah-langkah dasar Kerajaan untuk mengatasi kemerosotan ekonomi yang ada pada masa sekarang, di dalam Ucapan Belanjawannya di Dewan ini pada 6hb November, 1975. Tidak ada apa-apa lagi yang hendak saya tambah kepada ucapan beliau setakat ini.

PERISYTIHARAN KUALA LUMPUR 1971—KEJAYAAN

8. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah usaha-usaha Malaysia hendak mengadakan suatu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali di Tenggara Asia yang timbul dari Perisytiharan Kuala Lumpur 1971 itu telah berjaya dan sehingga ini berapa buah negara yang telah bersetuju menyertai bersama-sama dalam rancangan ini selain dari mereka yang telah menandatangani Perisytiharan Kuala Lumpur; dan nyatakan sebab-sebabnya setengah negara enggan menyokong rancangan yang serupa itu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mengadakan satu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara adalah sedang dikaji oleh Jawatankuasa Pegawai-pegawai Kanan ASEAN yang telah ditubuhkan oleh Menteri-menteri Luar ASEAN pada bulan November, 1971.

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat beberapa kali dan telah mendapat kejayaan yang memuaskan dalam merumuskan rangka bentuk (frame-work) kawasan yang dicadangkan itu. Pada masa sekarang ini Jawatankuasa tersebut adalah dalam proses mengkaji cara-cara bagaimana hendak melaksanakan rangka bentuk ini dari segi konsepnya.

Setakat ini sokongan yang diberi terhadap cadangan untuk mengadakan satu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara oleh negara-negara yang berkecuali dan negara-negara Commonwealth dan negara-negara Islam serta negara-negara lain di dunia adalah sangat menggalakkan.

Oleh kerana ada lagi perkara-perkara tertentu di dalam cadangan ini yang masih sedang dikaji, maka kita belum lagi menghubungi secara rasmi negara-negara yang kita ingin mendapatkan sokongan ataupun negara-negara yang kita harap akan menyertai bersama di dalam cadangan tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar, bahawa satu kelemahan dalam Deklarasi Kuala Lumpur dan ikhtiar-ikhtiar Kerajaan Malaysia sedang Kerajaan ASEAN untuk mengujudkan satu zone berkecuali di Asia Tenggara ialah ketidakadaan satu jadual di mana ditentukan langkah demi langkah bagaimana matlamat pengecualian Asia Tenggara boleh dicapai. Misalnya, tidak ada satu jadual mengenai matlamat jangka panjang mahupun jangka pendek mengenai pengunduran semua base-base negara asing daripada bumi ASEAN. Adakah tujuan Malaysia dalam Mesyuarat Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan yang akan diadakan untuk mengemukakan satu cadangan di mana semua negara-negara ASEAN yang menyertai dan menyokong Deklarasi Kuala Lumpur akan mempunyai satu jadual (time-table) mengandungi matlamat pendek di mana langkah-langkah boleh diambil dengan konkrit ke arah satu matlamat pengecualian Asia Tenggara.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat tidak begitu mengetahui dengan jelasnya cadangan-cadangan yang akan dilaksanakan. Sepertimana yang saya telah jawab sekejap tadi, kita sekarang ini sedang mengkaji untuk mengadakan satu conceptual framework. Jadi, tidak ada pada hematnya kelemahan-kelemahan ini dari segi konsep yang tersebut itu. Jadi, kita semua sedar di atas cara-cara yang akan dilaksanakan. Apabila tercatat dan selesainya conceptual framework ini, maka di sinilah kita akan mengadakan dan diketahui dengan jelas cara-cara pelaksanaan untuk bukanlah kepada Yang Berhormat sahaja, tetapi kepada semua

dunia dan juga kepada negara-negara yang ingin memberi sokongan ataupun menyertai di dalam konsep ataupun kumpulan ASEAN ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah dalam conceptual framework ini akan termasuk juga satu jadual matlamat jangka pendek atau tujuan pendek?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa buah tidak masak, dia tidak luruh lagi. Jadi tidak diberi lagi pada masa sekarang ini oleh sebab perkara ini sedang dikaji. Kalau saya ceritakan perkara ini, mungkin saya rasa tidaklah sesuai. Tidaklah boleh hendak diberi keterangan-keterangan pada saat ini oleh sebab buahnya tidak masak dan tidak boleh jatuh lagi.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan menerangkan bahawa kita tidak lagi menghubungi secara rasmi Kerajaan-kerajaan tertentu untuk mendapat sokongan kepada Deklarasi Kuala Lumpur. Tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi sedikit maklumat kepada Dewan ini samada terdapat pandangan-pandangan yang positif hasil daripada lawatan Tun Perdana Menteri ke Moscow; Tun Perdana Menteri ke Peking dan begitu juga Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar baru-baru ini melawat ke Korea Selatan dan Korea Utara dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi sedikit-sebanyak pandangan positif kalau ada daripada pihak negara-negara tersebut?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan sepertimana yang saya sebutkan sebentar tadi negara-negara dalam Commonwealth, negara-negara non-aligned, negara-negara Islam boleh dikatakan menyokong di atas dasar untuk menjadikan rantau Asia Tenggara ini satu kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Jadi, sokongan ini sangatlah memuaskan. Dan boleh dikatakan apabila sampai masanya untuk mengisytiharkan saya rasa nampaknya buat setakat ini tidak adalah negatif daripada negara-negara lain. Jadi sangatlah memuaskan di atas pengisytiharan

Kuala Lumpur ini kerana sokongan yang diberikan oleh negara-negara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Haji Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar ataupun benar telah ada dengan sebab Malaysia mengamalkan dasar berkecuali ini ada negara-negara besar yang cuba dengan secara tidak langsung mengancam negara kita atau melemahkan kedudukan negara kita dengan jalan menggalakkan subversif ataupun anasir komunis, ataupun barangkali menggunakan dadah untuk merosakkan negara kita.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Saya rasa itu terkeluar daripada soalan asal, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa daripada tiga kuasa-kuasa besar di dunia ini menyokong, baru-lah P.R.C. (People's Republic of China) memberi sokongan sepenuhnya kepada Pengisytiharan Kuala Lumpur. Sebaliknya, Soviet Union tidak memberi sokongan positif kepada konsep ini dan Amerika Syarikat hanya ambil sikap tunggu masa sebelum membuat satu pendirian yang tegas. Adakah ini benar?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi tidaklah benar. Seperti yang saya sebut tadi kebanyakan negara boleh dikatakan memberikan sokongan yang penuh di atas konsep berkecuali ini iaitu menjadikan negara ini satu zone of peace, freedom and neutrality. Jadi, tidaklah benar sepertimana yang saya katakan tadi sambutan negatif daripada negara-negara yang terdapat pada masa sekarang ini.

PAKAR BEDAH OTAK

9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) samada beliau sedar bahawa setakat ini Malaysia hanya mempunyai 4 orang pakar bedah otak sahaja sedangkan Institiut Pembedahan Otak Malaysia menjalankan pembedahan otak antara 500-600 setahun; jika sedar nyatakan cadangan Kerajaan bagi menambahkan bilangan pakar bedah otak itu; dan

(b) samada Institiut Pembedahan Otak di Hospital Besar Kuala Lumpur itu boleh melatih pakar-pakar kita sendiri.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Pembedahan Otak adalah satu disiplin berkhusus yang berkehendakkan bukan sahaja Pakar Bedah Otak tetapi juga kakitangan-kakitangan membantu yang terlatih supaya yunit itu dapat bergerak dengan cekap dan berkesan. Pembangunan dan perkembangan disiplin yang sangat berkhusus ini patut dilihat dalam konteks pembangunan perkhidmatan perubatan kesihatan yang menyeluruh dan juga diberi keutamaan dan tekanan yang sebenarnya.

Ahli Yang Berhormat sedar bahawa sungguhpun perkhidmatan perubatan dan kesihatan telahpun berkembang dengan pesat semenjak Merdeka, tetapi masih ada lagi b'dang-bidang yang boleh diperbaiki dan bidang-bidang di mana pengkhususan asas seperti disiplin perubatan am, pembedahan am, perbidanan dan sakit puan masih berkurangan. Oleh itu, Kementerian saya akan memberi tekanan yang sebenarnya pada disiplin yang sangat berkhusus ini. Pada ketika ini, hanya ada tiga orang Pakar Bedah Otak dan dua orang Pakar Otak. Supaya dua yunit pakar otak di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dapat berfungsi dengan cekap, kita hendaklah memperkukuhkan yunit-yunit ini dengan membekalkan kakitangan-kakitangan membantu seperti Pakar-pakar Kaji Penyakit Otak (Neuro-Pathologists), Pakar-pakar X-Ray Otak (Neuro-Radiologists) dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, suka saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya sedang merancang untuk memperkembangkan lagi perkhidmatan khusus ini dan banyak lagi biasiswa akan ditawarkan kepada pegawai-pegawai perubatan kita untuk mendapat latihan di luar negeri. Kita harap biasiswa ini akan digunakan dengan sepenuhnya.

(b) Oleh kerana disiplin perubatan ini adalah sangat berkhusus, jangkamasa untuk melatih seseorang pegawai perubatan sebagai pakar dalam bidang ini ialah selama lima tahun. Oleh itu, tidak banyak pegawai perubatan yang mahu berkhusus dalam bidang ini. Institiut Pakar Bedah Otak

Kuala Lumpur adalah dilengkapi dengan melatih kakitangan para-perubatan yang membantu dalam Kejururawatan Pembedahan Otak (Neuro-Surgical Nursing), Juru Teknik X-Ray Pembedahan Otak (Neuro-Surgical X-Ray Technicians). Bagi latihan kakitangan-kakitangan professional, Instituti ini hanya dapat mengadakan latihan permulaan bagi pegawai-pegawai perubatan dan Pendaftar-pendaftar sebelum mereka dihantar untuk mengikuti kursus ijazah lepasan di seberang laut. Apabila Instituti ini telah diperkukuhkan dengan sempurna dan mempunyai kakitangan-kakitangan yang penuh, Instituti ini akan menjalankan sebahagian daripada kursus latihan ijazah lepasan tempatan.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam jawapannya telah menyatakan Kementerian ada rancangan untuk menghantar doktor-doktor keluar negeri untuk dilatih sebagai Neuro-Surgeon. Apa yang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah:

- (i) adakah Menteriannya akan menghantar doktor-doktor keluar negeri untuk dilatih sebagai Neuro-Surgeon sebelum mereka balik ke tanahair kita.
- (ii) di tahun-tahun yang akan datang adakah Menteriannya ada rancangan untuk menghantar doktor-doktor keluar negeri untuk dilatih sebagai Neuro-Surgeon, jika ada rancangan, berapa orang doktor akan dihantar.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita belum ada doktor-doktor yang akan dihantar keluar negeri untuk melanjutkan kursus yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya pada masa ini adalah merancang satu rancangan untuk menghantar doktor-doktor yang layak untuk melanjutkan kursus ini di seberang laut pada masa yang akan datang.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam ucapan Yang Berhormat Menteri ada menerangkan selain daripada tiga orang Neuro-Surgeon ada juga kita mempunyai dua orang pakar otak (Neuro-Physician). Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang ber-

kenaan samada beliau sedar atau tidak salah seorang daripada Neuro-Physician ini ialah dipinjamkan daripada luar negeri dan seorang lagi Warganegara Malaysia, dan yang dipinjamkan daripada luar negeri ini akan balik tidak lama lagi. Ini bermakna Neuro-Physician di dalam Malays'ia cuma tinggal seorang lagi. Apakah tindakan Menteriannya mengenai perkara ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya ada tiga orang pakar otak Warganegara Malaysia, seorang daripadanya dipinjamkan dari negeri Switzerland.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak faham—doktor ini kita pinjam daripada luar negeri?

Tan Sri Lee Siok Yew: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham kita beri pinjam doktor kepada orang lain. Betulkah begitu? Sila teruskan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Pegawai ini kontreknya tidak lama lagi akan tamat dan kita harap dapat dipinjam lagi daripada negeri lain untuk menggantikan jawatan yang akan dikosongkan pada masa yang akan datang. Sebenarnya, kita ada mempunyai tiga orang pegawai, dua orang bertugas di Kuala Lumpur dan seorang lagi di Pulau Pinang.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam jawapannya kepada soalan saya menyatakan tiada doktor yang dihantar keluar negeri untuk dilatih dan Menteriannya ada rancangan untuk menghantar doktor-doktor keluar negeri untuk dilatih sebagai Neuro-Surgeon, Neuro-Physician, Neuro-Radiologists dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar oleh sebab kemalangan makin hari makin bertambah dan selalu cedera bahagian kepala yang mana ini memerlukan perkhidmatan Neuro-Surgeon, maka mustahak Menteriannya mengambil langkah yang tegas untuk menghantar doktor-doktor ke seberang laut untuk dilatih sebagai Neuro-Surgeon dan jangan mengatakan kita ada rancangan, itu tidak berguna oleh sebab seperti yang disebutkan oleh saya tadi kemalangan semakin hari semakin bertambah dan selalu cedera di bahagian kepala.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kepong dan itu memang benar, dengan sebab inilah Kementerian ini merancang untuk memberikan biasiswa kepada doktor-doktor yang berkelayakan yang baik dan mereka itu suka melanjutkan kursus pembedahan otak itu. Apa yang saya sebutkan tadi ialah saya harap tawaran-tawaran ini akan diambil oleh doktor-doktor yang suka mengambil kursus ini pada masa yang akan datang. Kerana kita tidak boleh memaksa sesiapa seorang Pegawai Perubatan untuk mengambil kursus ini, jikalau ada tawaran seumpama itu diberi, tetapi tiada orang yang mahu mengambilnya, kerana ini terpaksa mengambil masa yang panjang iaitu selama lima tahun. Jadi kebanyakan doktor-doktor pada hari ini, mereka lebih suka mengambil kursus secara lanjutan ini dalam jangka masa yang pendek seperti dua tahun, tiga tahun dan sebagainya. Saya suka memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian ini akan memikirkan apakah incentive yang boleh diberikan untuk menggalakkan doktor-doktor yang layak dan suka untuk mengambil kursus ini.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut keterangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi bahawa pakar bedah otak ini hanya ditempatkan di Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Besar Pulau Pinang. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk menempatkan seorang daripadanya di Hospital Besar Johor Bahru untuk penduduk-penduduk di selatan Semenanjung Malaysia ini, dan jika ada, bila?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini saya tidak boleh memberi jawapan tentang perkara ini oleh kerana Pakar Bedah Otak ada kurang sekarang dengan sebab ini saya tidak dapat menghantar Pakar Bedah Otak ke Johor Bahru.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri juga menerangkan masalah kakitangan berkehendakkan kursus tertentu supaya dapat bekerja dalam bahagian penyakit otak ataupun bahagian institusi penyakit otak ini.

Tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada beliau sedar atau tidak iaitu pada hari ini di dalam bahagian Neuro-Physician cuma seorang sahaja kakitangan yang terlatih yang baru dihantar dan telahpun balik dan umurnya pun telah meningkat 50 tahun iaitu yang menjaga berkenaan dengan brain test equipment. Apakah tindakan Kementerian beliau mengenai perkara ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang sewajarnya telah diambil sekarang. Jadi, kita memerlukan masa dan saya sedar kelemahan kita dengan sebab itulah ada berbagai-bagai cadangan atau konsep yang baru untuk menambahkan kakitangan yang diperlukan pada masa yang akan datang.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menteri yang berkenaan telah mengatakan bahawa Kementerian sedar terhadap kekurangan kakitangan Neuro-Surgeon dan sebagainya tetapi mengapakah perbuatan Kementerian tidak menunjukkan kesedaran itu. Apa yang saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan selepas Dr Dass, Dr Arumugasamy dan doktor-doktor lain di Pulau Pinang balik daripada Amerika Syarikat, adakah Kementerian menghantar doktor-doktor itu untuk dilatih sebagai Neuro-Surgeon. Jika tiada, apakah sebabnya?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat Menteri sudah menjawab oleh sebab kursus ini lama, tidak ada ramai orang yang hendak menawarkan diri untuk pergi berlatih. Adakah betul begitu Yang Berhormat?

Tan Sri Lee Siok Yew: Betul. (*Ketawa*)

Dr Tan Chee Khoon: Apa yang saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, ialah oleh sebab beliau mengatakan tidak ada doktor yang hendak mengambil disiplin ini adakah tawaran dibuat atau tidak?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya jawab sebentar tadi menerangkan bahawa kita akan memberi biasiswa dan sekarang kalau tidak silap saya ada 6 orang doktor yang telah menjadi Registrar di Hospital Besar dan kita harap

mereka akan mengambil kursus yang saya sebutkan itu dan juga saya akan fikirkan apakah incentive yang akan diberi untuk menggalakkan atau menarik mereka itu datang mengambil scholarship ini. Kita tidak boleh paksa seseorang itu mengambil sebarang kursus yang pegawai-pegawainya tidak suka, untuk kursus-kursus yang mengambil masa panjang seperti Pakar Bedah Otak.

PELABUR-PELABUR ASING— PERATURAN KAWALAN

10. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan menmbang dengan serious meminda undang-undang atau membentang suatu undang-undang baru bagi memeriksa perusahaan tanaman yang dimiliki oleh orang asing atau syarikat-syarikat pelbagai bangsa yang telah menjalankan perusahaan selama lebih 10 tahun di Malaysia bagi menyekat keuntungannya dari mengalir keluar dan mendapatkan semula keuntungan tahunannya untuk pembangunan Malaysia dan untuk meluaskan lagi lain-lain perusahaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, di bawah dasar Kerajaan yang ada sekarang, sejauh mana yang melibatkan pengambilan balik keuntungan-keuntungan, kita seharusnya bertindak sebebaskan yang mungkin di dalam Peraturan-peraturan Kawalan Pertukaran kerana pada kebiasaannya pelabur-pelabur perlu diyakinkan bahawa tiadanya halangan-halangan yang kurang perlu di dalam penggunaan keuntungan dan dividen-dividen. Meskipun kita cenderung untuk menentukan pelaburan semula terhadap keuntungan-keuntungan di dalam negara ini, kita juga sedar bahawa pelabur-pelabur asing ingin merasai bahawa mereka adalah bebas untuk membawa masuk ataupun keluar modal mereka.

Peraturan-peraturan Kawalan yang ada sekarang memperuntukkan bahawa di mana jumlah-jumlah yang hendak dibayar keluar melebihi \$1,000 borang Permohonan Kawalan Pertukaran mestilah dipenuhi. Bank-bank Perdagangan boleh dengan sendirinya meluluskan permohonan-permohonan yang sedemikian sehingga \$1 juta. Jumlah-jumlah yang melebihi \$1 juta memerlukan kelulusan Kawalan Pertukaran Asing.

Peraturan-peraturan yang berkuatkuasa sekarang ini membolehkan Jabatan Kawalan Pertukaran Asing mengawal pemindahan Kumpulan Wang-Kumpulan Wang keluar negeri dan Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang baru di mana keuntungan-keuntungan yang diperolehi dari negara ini mesti dilabur semula di negara ini iaitu samada keuntungan-keuntungan ini diperolehi oleh perusahaan-perusahaan penanaman atau perbadanan-perbadanan antarabangsa. Walau bagaimanapun kita sentiasa menggalakkan pengusaha-pengusaha asing untuk menambah serta mempelbagai pelaburan-pelaburan mereka di negara ini. Mengekalkan kemudahan-kemudahan pelaburan di negeri ini sangatlah perlu supaya terdapat pelaburan-pelaburan jangka panjang untuk tujuan-tujuan yang lebih produktif.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan dalam pelaksanaan peraturan-peraturan Kawalan Pertukaran Asing pernah menyekat keuntungan daripada mana-mana pihak syarikat-syarikat asing dari mengalir keluar oleh kerana jumlah yang dicadangkan untuk dialirkan keluar terlalu besar dan sekiranya ada, ada berapa kali?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat tahulah dari mana Ahli Yang Berhormat itu mendapat butir-butir yang mengatakan dengan pastinya bahawa ada modal-modal yang banyak sudah dikeluarkan dari negeri ini, dan dengan itu saya tidak ada buktinya bahawa proses itu ada dijalankan dalam negeri ini. Tidak ada undang-undang yang boleh menyekat pelabur-pelabur asing supaya tidak mengeluarkan modal.

TULISAN JAWI—MENINGGIKAN MUTU

11. Tuan Oh Keng Seng (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar kebanyakan ibubapa keturunan Melayu bimbang kerana kejatuhan mutu pelajaran tulisan Jawi anak-anak mereka, dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh beliau untuk meninggikan mutu tulisan Jawi.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana menunjukkan minat terhadap pelajaran hal-hal berkenaan dengan sahabat-sahabat Melayu kita.

Kementerian Pelajaran memang sedar bahawa ibubapa keturunan Melayu menganggap penting untuk menjaga mutu pelajaran tulisan Jawi bagi anak-anak mereka. Oleh itu Kementerian Pelajaran telah menjalankan langkah-langkah berikut untuk memperbaiki mutu pengajaran tulisan Jawi:

- (i) Dalam tahun 1970, pelajaran dan gerakerja tulisan Jawi telah dijadikan salah satu aspek sukatan pelajaran Bahasa Malaysia untuk semua sekolah-sekolah rendah.
- (ii) Kementerian Pelajaran juga telah berusaha untuk menerangkan kaidah pengajaran tulisan Jawi ini pada guru-guru Bahasa Malaysia. Perkara ini diadakan dengan cara mengadakan satu kursus dalam perkhidmatan (in service course) pada tiap-tiap hari Sabtu selama tiga minggu.
- (iii) Penggunaan tulisan Jawi digalakkan dengan luasnya pada masa murid-murid keturunan Melayu mengikuti pelajaran ugama Islam di sekolah-sekolah.
- (iv) Kementerian Pelajaran sedang menjalankan kajian tentang kesan pembelajaran Bahasa Malaysia di semua sekolah, termasuklah pembelajaran Jawi. Langkah-langkah sewajarnya akan diambil setelah dapatan-dapatan dari kajian ini diperolehi.

Sekali lagi saya suka menegaskan di sini iaitu penulisan Jawi tidak boleh dikuasai semata-mata dengan menulis dan membacanya di waktu sekolah. Untuk menguasainya murid mestilah menulis dan membaca di rumah seberapa banyak yang boleh. Jadi inilah tanggungjawab ibubapa-ibubapa kita. Lebih banyak menulis membaca lebih tinggilah mutu pembacaan dan juga penulisannya.

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, apakah tujuan Kerajaan mewajibkan pelajaran Jawi memandangkan

kepada kedudukan dalam Perlembagaan negara kita di mana skrip yang saheh (skrip yang rasmi) ialah skrip rumi?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pengajaran tulisan Jawi ini seperti dalam jawapan saya di bahagian yang pertama tadi iaitu tulisan Jawi ini telah dijadikan salah satu aspek sukatan pelajaran Bahasa Melayu. Pada masa ini cuma Sekolah Rendah Kebangsaan dan juga Sekolah Rendah Kebangsaan "B" yang dahulunya aliran bahasa Inggeris dan sekarang telah menjadi Sekolah Rendah Kebangsaan "B-Type". Kedua-dua sekolah ini mengikut Jadual Waktu (Time-Table) kita menggalakkan murid-murid, khasnya murid-murid Melayu mempelajari dengan bersungguh-sungguh tulisan Jawi ini. Bagi sekolah-sekolah jenis yang lain oleh kerana Jadual Waktu itu diizinkan maka mereka tidak diwajibkan mempelajari tulisan Jawi dan sebagainya. Saya berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat faham di atas perkara ini. Oleh yang demikian, dalam jawapan saya tadi saya berharap mutu ataupun kalau kita hendak memelihara atau mementingkan mutu tulisan Jawi yang lebih baik, saya menyeru kepada sahabat-sahabat atau ibubapa dari keturunan Melayu supaya di rumah pun mereka mestilah menunjukkan minat dan juga memberi guidance kepada anak-anak mereka supaya mereka dapat mempelajari dengan lebih cekap lagi tulisan Jawi ini.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kejatuhan pelajaran tulisan Jawi ialah kerana tidak dijadikan satu daripada matapelajaran peperiksaan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang hendak mengadakan peperiksaan pelajaran tulisan Jawi seperti juga pelajaran yang lain?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya lupa sedikit hendak menerangkan dalam jawapan saya tadi, matapelajaran tulisan Jawi sebagai satu matapelajaran pilihan dalam sukatan pelajaran kita. Jadi kita tidak memaksa untuk mempelajarinya. Sekiranya masa mengizinkan atau memaksa barangkali kita akan menimbangkan perkara itu.

Tuan Abdul Jalal bin Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat bersetuju dengan keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa satu daripada aspek kita hendak mendalami kesusasteraan Bahasa Malaysia yang berteraskan kebudayaan Melayu ialah dengan mendalami atau mempelajari tulisan Jawi. Soalan tambahan saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengajar juga tulisan Jawi ini kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ataupun Sekolah China?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya terangkan dalam jawapan saya tadi kerana Jadual Waktu itu tidak diizinkan, maka sehingga hari ini kita tidak memaksakan mereka itu mempelajari tulisan Jawi. Ada setengah daripada sekolah itu yang berminat dan ada di antara Lembaga-lembaga sekolah itu membuat rayuan kepada Kementerian Pelajaran, maka barangkali Kementerian Pelajaran boleh menimbangkan perkara itu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah bermakna bahawa apabila beliau berkata tulisan Jawi itu menjadi satu aspek sukatan pelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Kebangsaan termasuk Sekolah-sekolah Kebangsaan "B" yang dahulunya Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan aliran Inggeris di mana tulisan Jawi akan dijadikan satu daripada matapelajaran atau aspek matapelajaran Bahasa Malaysia untuk semua pelajar-pelajar di Sekolah Kebangsaan "B".

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya apa?

Tuan Lim Kit Siang: Soalan saya adakah matapelajaran Jawi sekarang ini dijadikan satu daripada aspek pelajaran dalam Bahasa Malaysia untuk Sekolah-sekolah Kebangsaan "B" yang dahulunya aliran Inggeris untuk semua murid-murid mempelajarinya?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dasar itu memang dijalankan.

Tuan Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri dapat menentukan bahawa semua guru yang mengajar tulisan

Jawi itu terdiri daripada guru-guru Melayu ataupun guru-guru yang bukan Melayu juga ada mengajar tulisan Jawi di Sekolah-sekolah Rendah?

Tuan Chan Siang Sun: Tolong ulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi saya pun tidak berapa dengar.

Tuan Haji Embong bin Yahya: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menentukan bahawa guru-guru yang mengajar tulisan Jawi kepada murid-murid itu terdiri daripada guru-guru Melayu sahaja ataupun dari semua jenis bangsa guru ada mengajar tulisan Jawi kepada murid-murid di sekolah-sekolah?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya guru-guru itu berkebolehan, kita memberikan peluang itu kepadanya (*Ketawa*).

BANJIR—LANGKAH MENGHADAPI

12. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kebajikan Am menyatakan apakah langkah-langkah persediaan Kementerian ini untuk menghadapi kemungkinan banjir bagi tahun ini.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, peranan Kementerian Kebajikan Am mengenai banjir adalah seperti berikut:

- (i) Menyedia dan menyelenggarakan pusat-pusat pemindahan;
- (ii) Membuat persediaan bagi mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain;
- (iii) Bertanggungjawab bagi pemulihan semula mangsa-mangsa banjir.

Sebanyak 1,520 buah pusat pemindahan yang boleh mengisi 392,300 orang telah disediakan. Pecahan pusat-pusat itu mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Pusat Pemindahan	Had Muatan
1. Perlis	3	700
2. Kedah	90	20,950
3. Pulau Pinang	46	12,560
4. Perak	123	34,220

5. Selangor	...	...	117	50,500
6. Wilayah Persekutuan			33	15,350
7. Negri Sembilan	...		101	19,500
8. Melaka	...	...	39	12,040
9. Johor	...	...	203	64,830
10. Pahang	...	...	378	82,340
11. Kelantan	...	...	250	50,780
12. Trengganu	...	...	137	29,140
			1,520	392,960

Pengarah-pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri akan bertanggungjawab bagi pusat-pusat pemindahan ini tetapi tiap-tiap pusat akan diketuai oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat, Penolong Pegawai Daerah, Pegawai Pertahanan Awam, Guru Besar, Ketua Kampung dan lain-lain orang yang berkebolehan untuk mentadbir pusat-pusat itu. Pertolongan Bulan Sabit Merah, St. John Ambulan, Pengakap, Pandu Puteri dan Persatuan-persatuan Belia telah diatur untuk mengelolakan kerja memasak secara beramai, memberi pertolongan cemas, menjaga disiplin dan bagi memberi apa-apa bantuan yang perlu.

Barang-barang makanan seperti beras, gula, garam, barang-barang makanan dalam tin, minyak masak, teh, ikan kering adalah disimpan di separuh pusat-pusat pemindahan dan juga di Pusat-pusat Bekalan Hadapan yang berdekatan dengan kawasan-kawasan yang mudah dilanda banjir. Pengangkutan barang-barang makanan telah diatur dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya, Pertahanan Awam, Polis dan Tentera.

Sebuah Bilik Gerakan yang akan dibuka selama 24 jam sehari telah disediakan di Kementerian Kebajikan Am.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa persediaan-persediaan menghadapi banjir ini mengikut kebiasaannya terlampau lewat. Umpamanya, selepas banjir itu melimpah dan penduduk-penduduk telah berpindah barulah dibekalkan kenderaan-kenderaan untuk pemindahan mangsa-mangsa banjir itu. Sekiranya sedar adakah perkara-perkara ini akan diperbaiki dengan lebih baik lagi pada masa yang akan datang?

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak benar. Di tiap-tiap negeri memang mengadakan persediaan ini dua tiga bulan sebelum musim banjir tiba.

ASEAN—PERANAN LEBIH LUAS

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada terdapat apa-apa tanda bahawa selepas keadaan post-Vietnam, ASEAN mungkin akan berkembang dan memainkan peranan yang lebih luas sebagai satu kumpulan ekonomik dan kebudayaan, dan jika ya, nyatakan arahan-arahan baru yang ASEAN mungkin ambil.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa antara lain-lain tujuan ASEAN ialah untuk mencapai pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan perkembangan kebudayaan bagi rantau ini melalui kerjasama di antara negara-negara yang berkenaan. Beberapa rancangan dan projek kerjasama sedang dijalankan untuk mencapai objektif-objektif ini. Dari segi ekonomi umpamanya negara-negara ASEAN sedang berusaha untuk memperbaiki kedudukan bahan-bahan keluarannya di pasaran antarabangsa. B.dang dan peranan ASEAN ialah berkembang. Sambil memajukan rancangan-rancangannya sendiri, ASEAN juga menggalakkan kerjasama ekonomi dan teknikal dengan negara-negara di luar ASEAN dan pertubuhan-pertubuhan yang lain seperti Australia, New Zealand, Kanada, Netherland dan Jepun dan juga Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa seperti E.E.C. Negara-negara ASEAN juga memberi keutamaan kepada usaha mempereratkan lagi hubungan bilateral di antara negara-negara ahli. Di samping itu ASEAN sentiasa mengambil perhatian terhadap perkembangan-perkembangan dan peralihan-peralihan yang berlaku di serantau dunia tambahan di rantau Asia Tenggara dan mempersuaikan peranan dengan keadaan suasana itu. Langkah-langkah yang saya nyatakan itu yang diambil oleh ASEAN akan memperkukuh lagi asas pertubuhannya dan membolehkannya memainkan peranan yang sewajarnya di rantau Asia Tenggara. Sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Menteri-menteri Luar ASEAN yang berbilang di Kuala Lumpur pada 14hb Mei tahun ini, negara-negara ASEAN bersedia bekerjasama dengan negara-negara Indo-China dalam usaha-usaha membangunkan

negara bukan sahaja untuk kebaikan rakyat masing-masing tetapi juga untuk kebaikan wilayah Asia Tenggara pada amnya. Maka terpulanglah kepada negara-negara tersebut berhubung dengan ASEAN mengenai tawaran itu.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, adakah negara kita berniat untuk mengambil peranan (role) politik dalam ASEAN di masa yang akan datang?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya telah disebutkan tadi pada dasarnya pembentukan ASEAN adalah terhad dari segi objektifnya kepada ekonomi, sosial dan cultural. Jadi, buat masa sekarang ini terpulanglah kepada perbincangan yang akan datang. Jika kalau perlu iaitu soal-soal politik, terpulanglah kepada kemungkinan pada masa yang akan datang untuk mempertimbangkan hal ini. Jadi buat masa sekarang ini adalah terhad dan confine kepada yang saya sebutkan tadi seperti ekonomi, sosial dan cultural.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa satu cadangan yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN sekarang ialah bahawa peranan ASEAN selain daripada peranan asalnya yang dihadkan kepada ekonomi, sosial dan kebudayaan adalah juga untuk memperluaskan peranan itu termasuk peranan keselamatan. Adakah itu satu cadangan yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, tiada langsung dari segi hendak mempertimbangkan masalah keselamatan.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu kita ada dengar bahawa Menteri-menteri ASEAN ada menyatakan bahawa Vietnam Utara dan Selatan akan masuk dalam keanggotaan ASEAN. Apakah reaksi daripada negara-negara tersebut?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya sebutkan tadi tawaran yang telah dikeluarkan oleh Menteri-menteri Luar ASEAN yang berunding di Kuala Lumpur pada bulan Mei tahun ini sanggup memberikan tangan persahabatan dan muhibbah kepada negara-

negara khususnya yang disifatkan negara-negara Asia Tenggara iaitu termasuklah negara-negara Vietnam, Laos, Kemboja dan Burma. Jadi soal untuk menyertai sebagai ahli di dalam ASEAN ini terpulanglah kepada negara-negara yang berkenaan membuat permohonan. Jika sampai masanya permohonan ini akan ditimbang oleh semua Anggota ASEAN yang terdapat pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 14 hingga 22 adalah diberi di bawah ini).

BUMIPUTRA DALAM PERUSAHAAN

14. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerianya mempunyai rancangan supaya Bumiputra akan memainkan peranan yang besar dalam perusahaan jika ya, sejauh manakah penglibatan Bumiputra secara langsung dalam perusahaan-perusahaan yang besar.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Sebagai yang diketahui, matlamat Kerajaan bagi penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian telah ditentukan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Dalam bidang perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa menentukan supaya matlamat penyertaan Bumiputra dapat dicapai.

Dari segi ini, permohonan bagi projek-projek perindustrian apabila diluluskan adalah disyaratkan supaya mengkhaskan sekurang-kurangnya 30% dari equiti untuk Bumiputra. Dalam tahun 1974 dari jumlah semua pelaburan yang diluluskan dalam bidang perindustrian 33% atau \$251 juta telah dikhaskan bagi Bumiputra. Bagi tujuh bulan pertama tahun 1975, peratus ini telah meningkat kepada 36%. Ini menunjukkan bahawa peratus pengkhaskan ini adalah melebihi matlamat 30%. Kerajaan sedang menjalankan berbagai-bagai usaha supaya equiti yang dikhaskan kepada Bumiputra ini dapat diambil secepat yang boleh.

Dalam menimbangkan permohonan-permohonan untuk mendirikan kilang-kilang baru, Kerajaan sentiasa mengutamakan permohonan yang dikemukakan oleh Bumiputra.

Walaupun penyertaan Bumiputra dalam perusahaan yang besar belum berapa banyak lagi, kemajuan setakat ini adalah baik. Misalnya dari awal tahun 1971 hingga bulan Oktober, 1975 118 projek-projek Bumiputra yang tiap-tiap satu daripadanya melibatkan modal terkumpul lebih dari \$250,000 telah diluluskan berbanding dengan 76 projek dalam masa yang sama yang melibatkan modal terkumpul kurang dari \$250,000 bagi tiap-tiap satu projek.

Untuk mempercepatkan lagi usaha mendapatkan projek-projek Bumiputra yang baru, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan menjalankan kajian-kajian projek baru untuk kegunaan Bumiputra. Setakat ini 12 kajian feasibility telah disiapkan. Selain dari ini, 28 kajian prefeasibility telah juga disiapkan dan lebih daripada 30 kajian penyelidikan mengenai projek telah juga disiapkan. Langkah-langkah sentiasa dijalankan untuk memandu Bumiputra mengelolakan projek-projek yang telah diselidiki supaya menambatkan lagi bilangan projek-projek Bumiputra samada yang besar ataupun yang kecil.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga menyediakan satu daftar pelabur-pelabur Bumiputra dengan tujuan mengecamkan (to identify) mana-mana Bumiputra yang ada kemampuan untuk mengusahakan projek-projek baru samada berseendirian atau dengan secara berkongsi, serta untuk mengambil saham-saham yang dikhaskan kepada Bumiputra.

Sebagai Yang Berhormat sedia maklum dalam semua projek-projek yang diluluskan, syarat-syarat mengenai gunatenaga Bumiputra dan pengedaran Bumiputra adalah dikenakan. Untuk melibatkan Bumiputra dengan lebih aktif lagi, Kementerian sentiasa mengawasi supaya Lembaga Pengarah serta pengurusan atasan projek-projek perindustrian disertai oleh Bumiputra.

Langkah-langkah anjuran telah juga dijalankan oleh Kementerian. Misalnya sebagai-bagai seminar telah dianjurkan di negeri-negeri dengan tujuan menyebarkan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan supaya Bumiputra boleh menyertai bidang perusahaan dengan lebih meluas lagi. Satu Buku Panduan L.K.P.P. (FIDA) Bagi Pelabur-pelabur Bumiputra telah juga disediakan oleh Kementerian.

Untuk mempercepatkan lagi tercapainya matlamat Kerajaan dalam bidang penyertaan Bumiputra di lapangan perindustrian, Kementerian saya menjemput sebarang cadangan yang membena dari mana-mana pihak. Saya memberi pengakuan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa memberi keutamaan dalam perkara ini.

LESEN-LESEN MOTOSIKAL DIBUAT DI PEJABAT POS

15. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan sama ada beliau akan menimbang pengeluaran lesen-lesen motosikal dibuat di pejabat-pejabat pos terutama di pekan-pekan kecil dan luar bandar.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak begitu jelas. Jika yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah soal pembayaran lesen memandu motosikal, Kementerian saya berpendapat bahawa cadangan tersebut sukar dilaksanakan oleh kerana seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa sistem pembayaran lesen memandu ini baru sahaja ditukar kepada sistem yang ada sekarang iaitu dengan cara menggunakan mesyen-mesyen pengeluaran lesen-lesen yang pantas. Jabatan Pengangkutan Jalan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bukanlah dikehendaki sekadar mengeluarkan satu-satu lesen memandu sahaja bahkan dikehendaki juga menyimpan rekod yang lengkap bersangkutan dengan seseorang pemandu.

Oleh itu adalah jelas bahawa sekiranya cadangan tersebut dipersetujui, ianya bukan sahaja memerlukan beberapa mesyen pengeluaran lesen memandu yang banyak serta mahal harganya tiap-tiap satu tetapi jua memerlukan ramai lagi kakitangan tambahan. Sistem yang ada sekarang dianggap mencukupi kerana pembaharuan lesen memandu itu mengambil masa yang amat singkat sekali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen memandu boleh diperbaharui 2 bulan sebelum matinya sesuatu lesen itu dan adalah juga difikirkan tempoh yang diberi ini mencukupi bagi seseorang membuat perseediaan untuk membaharui lesen memandunya.

Lesen memandu jua boleh diperbaharui melalui pos dan tidak perlu seseorang itu datang ke pejabat, sekiranya cara sedemikian menyusahkannya.

BUKAN WARGANEGARA MELAHIRKAN ANAK DI MALAYSIA

16. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) berapa ramai orang-orang bukan warganegara telah dibenar melahirkan anak mereka di Malaysia dalam tahun 1974 dan 1975 dan dari negara-negara mana mereka datang dan apa keturunan mereka;
- (b) adakah dengan kelahiran anak-anak dari bukan warganegara di negara kita akan mendatangkan kesusahan kepada negara sendiri pada masa hadapan.
- (c) adakah benar bahawa di Johor Bahru banyak ibu-ibu dari bukan warganegara telah melahirkan bayi-bayi mereka di sana, jika ya, apakah tindakan yang Kerajaan telah ambil dalam perkara ini, dari negara manakah mereka datang serta bilangan kes-kes ini pada tahun 1974 dan 1975; dan
- (d) apakah usaha Kerajaan untuk menghindarkan orang-orang bukan warganegara yang sengaja datang ke Malaysia untuk melahirkan anak mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Kebenaran khas tidak diberi kepada orang-orang bukan warganegara Malaysia untuk masuk ke negeri ini semata-mata dengan tujuan melahirkan anak. Oleh itu tiada rekod kelahiran yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.
- (b) Tidak mendatangkan sebarang kesusahan kepada negara ini kiranya ibu-bapa anak yang dilahirkan itu bukan warganegara atau penduduk tetap negara ini kerana anak-anak yang dilahirkan itu tidak akan menjadi warganegara Malaysia dan mereka terpaksa dibawa pulang ke tanah air mereka apabila tamat lawatan ibubapa mereka ke negeri ini.

(c) Mengikut rekod hanya seramai 948 orang sahaja ibu-ibu yang bukan warganegara telah melahirkan anak-anak mereka di Johor Bahru dari 1-1-1974 hingga 31-8-1975. Seramai 595 orang daripadanya adalah terdiri daripada penduduk tetap Malaysia, 3 orang telah dibenarkan tinggal sementara, 339 orang daripada Republik Singapura dan 11 orang terdiri daripada pemegang-pemegang Paspot Negara asing. Tindakan yang telah diambil untuk menegah ibu-ibu dari luar negeri datang ke negara ini untuk melahirkan anak adalah dengan tidak memberi lanjutan "Pas Lawatan" ibu-ibu itu jika ia didapati mengandung dan mereka terpaksa meninggalkan negeri ini sebelum anak itu dilahirkan. Lanjutan Pas Lawatan hanya diberi jika ibu itu mengemukakan surat pengesahan daripada Doktor Kerajaan bahawa mereka tidak mengandung.

(d) Jawapan bagi soalan ini adalah serupa dengan jawapan bagi soalan (c) di atas.

PADANG BESAR: MALAYSIA/THAI—LANGKAH KESELAMATAN

17. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor minta Menteri Kewangan menyatakan memandag kepada perkembangan Padang Besar di sempadan Malaysia/Thai, samada langkah-langkah keselamatan yang lebih ketat sedang diambil bagi mengatasi masalah penyeludupan barang-barang senjata, dadah dan lain-lain.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya sudahpun memberi jawapan kepada soalan yang agak sama di persidangan Dewan ini pada 25hb November, 1975 berkaitan dengan kegiatan-kegiatan penyeludupan di sempadan Malaysia/Thai. Kerajaan adalah mengambil perhatian berat di atas kegiatan-kegiatan seperti ini dan telahpun mengujudkan satu Jawatankuasa koordinasi di atas kegiatan-kegiatan ajensi-ajensi Kerajaan yang berkaitan dengan kerja-kerja membentaras penyeludupan. Ini adalah termasuk pihak-pihak Kastam, Polis, Tentera, Lembaga Padi dan Beras Negara, Biro Narkotik Negara, Rela dan Imigresen.

Langkah-langkah awal seperti mengadakan sekatan jalanraya di tempat-tempat tertentu dalam kawasan-kawasan yang terlibat dan seterusnya kawalan imigresen yang lebih ketat telah juga diambil di tempat-tempat keluar dan masuk di sempadan. Mengenai Padang Besar tindakan telah diambil bagi mencegah orang-orang keluar masuk sempadan di antara pukul 6.00 petang dan 6.00 pagi tiap-tiap hari.

Jabatan Kastam telahpun memperhebatkan rondaan di darat dan laut di sepanjang kawasan sempadan dan telahpun menambatkan kakitangan-kakitangan yang terlibat dalam kerja-kerja mencegah di sempadan. Saya boleh menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa kawalan di kawasan-kawasan ini adalah diperketatkan oleh kerana Kerajaan memang berazam hendak menghapuskan penyeludupan walau apa juga coraknya.

SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH/ MAKTAB SWASTA

18. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi mengawal disiplin di Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Swasta di seluruh Negara.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Semua sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab swasta mempunyai peraturan-peraturan untuk menjaga disiplin murid di sekolah-sekolah. Guru Besar dan juga guru-guru akan diberitahu supaya menjalankan peraturan-peraturan sekolah itu dengan lebih ketat lagi.

PEKERJA-PEKERJA MEMBELI SAHAM SYARIKAT—DIWAJIBKAN

19. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bila Kerajaan akan menjalankan satu skim di mana setiap buruh yang bekerja di Kilang-kilang atau di Firma-firma besar diwajibkan membeli saham syarikat-syarikat itu bagi melahirkan rasa dedikasi yang lebih selain daripada sama-sama mendapat bahagian keuntungan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Kerajaan adalah menggalakkan majikan-majikan untuk menjual saham-saham kepada pekerja-pekerja mereka untuk membolehkan pekerja-pekerja ini mempunyai tanggungjawab bersama dengan syarikat tempat mereka bekerja.

Kerajaan percaya bahawa patutlah Syarikat-syarikat menyedari dari segi jangka panjang kepentingan pekerja-pekerja mereka memiliki saham-saham dalam Syarikat-syarikat tersebut.

Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk melancarkan apa-apa skim mewajibkan pekerja-pekerja membeli saham Syarikat-syarikat tempat mereka bekerja. Tetapi Kerajaan akan terus berusaha untuk menggalakkan dan menggesa majikan-majikan untuk menjual saham-saham kepada pekerja-pekerja mereka. Adalah diketahui setengah-setengah daripada majikan telahpun menawarkan saham-saham kepada pekerja-pekerja mereka.

LETRIK—PROJEK PEMBEKALAN

20. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan samada Kementerian yang berkenaan sedar bahawa projek pembekalan letrik ke daerah-daerah Kuala Selangor, Tanjong Karang dan Sabak Bernam adalah bergerak dengan lambat. Bilakah projek itu dijangka akan siap secara menyeluruh ke daerah-daerah.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Saya sedar bahawa projek-projek pembekalan letrik ke Daerah-daerah Kuala Selangor, Tanjong Karang dan Sabak Bernam telah tergendala disebabkan oleh beberapa faktor. Sayugia diingat kelambatan semacam ini bukan sahaja di daerah-daerah yang tersebut bahkan di daerah-daerah yang lain di seluruh negara.

Sebab-sebab kelambatan adalah di antaranya seperti berikut:

- (i) Kekurangan bahan-bahan seperti tiang-tiang, kebel, alat-alat suis dan lain-lain. Perkara ini pernah berlaku dalam Tahun 73/74 di mana pembekal seperti Kilang-kilang papan seluruh negara, tidak dapat membekalkan keperluan Lembaga. Sungguhpun keadaan sudah bertambah baik tetapi ini masih berlaku

dari masa ke semasa, disebabkan bahan-bahan yang dibekal begitu kurang mutunya dan terpaksa dipulang balik kepada pembekal tempatan.

- (ii) Kelambatan mendapat izin lalu, tapak pencawang letrik, setesen suis daripada pihak yang berkenaan seperti tuan punya tanah.
- (iii) Projek yang berkenaan melibatkan projek-projek yang lain yang besar, dan dengan sendirinya memakan masa.
- (iv) Kekurangan kakitangan yang bekerja dengan pemborong-pemborong.
- (v) Terdahulu daripada ini, L.L.N. terpaksa menyiapkan projek-projek dalam tahun 1971, 1972 sebelum meneruskan rancangan-rancangan dalam tahun 1973 dan 1974.

Tanpa sebarang halangan dan dengan kerjasama yang berterusan daripada semua pihak, projek-projek di dalam daerah-daerah tersebut di atas, dijangka siap seperti berikut di bawah ini:

- | | |
|--|--|
| 1. Kg. Parit Serong | Dijangka siap hujung bulan November, 1975. |
| 2. Kg. Jaya Setia | } Kerja-kerja sedang berjalan dan dijangka dapat disiapkan akhir tahun 1975 ini. |
| 3. Kg. Baru Ijok | |
| 4. Kg. Bukit Badong | |
| 5. Kg. Ijok Batu 7/8 | |
| 6. Kg. Telok Penyamun Batu 45/46 | Dijangka siap dalam bulan Jun, 1976. |
| 7. Kg. Jalan Raja Musa | Dijangka siap hujung bulan Mac, 1976. |
| 8. Kg. Sg. Gulang-Gulang | Dijangka siap dalam bulan Jun, 1976. |
| 9. Jalan Keretapi Lama Kg. Asam Jawa | Dijangka siap dalam bulan Mei, 1976. |
| 10. Sg. Dua, Ulu Tiram Buruk, Tg. Karang | Kerja utama sudah siap. |

KECICIRAN MURID-MURID

21. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah Menteri sedar peratus keciciran murid-murid sekolah adalah sangat menakutkan. Jika ya, apakah langkah-langkah beliau akan ambil untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) adakah beliau sedar keciciran murid-murid sekolah ini menimbulkan masalah sosial dan jenayah-jenayah.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Peratus keciciran murid-murid sekolah tidak menakutkan seperti apa yang diduga oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kadar keciciran di sekolah rendah bagi semua bahasa pengantar walaupun berkurangan seperti berikut:

Tahun	Enrolmen Darjah 1	Tahun	Enrolmen Darjah 6	Bilangan Murid yang	Peratus Keciciran
				cicir	
1967	248,244	1972	214,279	33,965	13.6
1968	260,990	1973	235,220	25,770	9.8
1969	259,377	1974	234,359	25,018	9.6
1970	261,152	1975	244,069	17,083	6.5

Kadar keciciran di peringkat menengah rendah juga telah berkurangan seperti berikut:

Kadar keciciran dari Rendah ke Menengah Rendah di Sekolah-sekolah Bantuan Penuh

Tahun	Darjah 6 (Enrolmen)	Peralihan/ Ting. I (Enrolmen)	Kadar Penerusan	Kadar Keciciran
1971	207561	137229	68.4 %	31.6 %
1972	214279	148407	71.5 %	28.5 %
1973	235220	162248	75.7 %	24.3 %
1974	234359	187639	79.8 %	20.2 %
1975	244069	192941	82.3 %	17.7 %

Sayugia diingatkan bahawa kadar keciciran tersebut adalah kadar murid-murid yang tidak meneruskan pelajaran mereka di sekolah-sekolah bantuan penuh sahaja. Kemungkinannya besar bagi mereka yang tidak meneruskan pelajaran di sekolah-sekolah bantuan penuh ini meneruskan pelajaran mereka di sekolah-sekolah swasta termasuk sekolah-sekolah agama dan lain-lain selain daripada mereka yang tercicir disebabkan faktor-faktor yang tidak dapat diduga. Pada hakikatnya mereka yang meneruskan pelajaran ke sekolah-sekolah swasta atau agama tidak seharusnya digulungan ke dalam golongan yang tercicir.

- (b) Keciciran murid bukanlah satu sahaja faktor yang menimbulkan masalah sosial dan jenayah. Walau bagaimanapun, masalah keciciran sendiri adalah masalah sosial yang ada kaitan dengan tanggungjawab Kementerian-kementerian lain serta juga ibubapa dan masyarakat keseluruhannya. Kementerian Pelajaran akan memainkan peranannya mengikut peruntukan dan keupayaannya.

TENTERA MERAH JEPUN

22. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bagaimana 5 orang Komando Tentera Merah Jepun dapat masuk ke Malaysia dan menawan Kedutaan Amerika Syarikat pada 4hb Ogos, 1975.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan ini sudah dijawab pada 28hb Oktober, 1975.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan Anggaran Pembangunan Sementara 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (2hb Disember, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memperingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekali lagi bahawa selepas daripada Dewan dalam Jawatankuasa membicarakan Kementerian Pertahanan di bawah Kepala B. 22 dan P. 22 Dewan dalam Jawatankuasa akan balik membicarakan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian iaitu Kepala B. 20 dan P. 20.

Satu perkara lagi saya hendak menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kita ada lagi 16 Kementerian yang kita kena bicarakan dalam Jawatankuasa dan mengikut fahaman saya daripada Jadual yang disusun baru-baru ini, kita kena habiskan pekerjaan kita dalam Jawatankuasa menimbangkan Anggaran Perbelanjaan dan juga Pembangunan pada 12hb. Jadi tak berapa hari lagi. Oleh itu, saya mintalah kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat tolong ambil ingatan dan memendekkan ucapan dalam perbahasan. Jika ada Ahli lain membawa

cadangan yang kita bersetuju itu eloklah kita sokong dengan sekuat-kuatnya, tidak payah kita ulangkan lagi. Ini akan menjimatkan masa.

Sewaktu Dewan ditangguhkan pada hari semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri sedang mengemukakan Belanjawan Kementerian Pertahanan. Sekarang saya jemput Timbalan Menteri menyambung ucapan beliau.

Kepala B. 22 (Jadual)

Kepala P. 22 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

3.39 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Pengerusi, waktu Dewan ditangguhkan semalam perkataan akhir saya ialah “peruntukan sebanyak \$20 juta”. Jadi, saya akan sambung daripada perkataan itu dan dengan perlahan sedikit kerana semalam oleh sebab masa sudah suntuk, saya bercakap begitu laju.

Setor Simpanan Kecemasan

Peruntukan sebanyak \$20 juta yang diminta di bawah Kumpulan Perbelanjaan Keempat iaitu Pemberian dan Bayaran Tetap adalah untuk membeli berbagai jenisengkapan yang akan disimpan untuk kegunaan di masa kecemasan sahaja.

Oleh kerana masih banyak alatengkapan ketenteraan yang perlu dibeli dari luar negeri maka terpaksalah kerajaan mengambil tindakan menyediakan bahan-bahan setor simpanan sebagai persediaan bagi menghadapi sesuatu kecemasan.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan sebanyak \$125,611,040 yang diminta bagi tahun 1976 adalah kurang sebanyak \$92.4 juta atau 42.4% berbanding dengan peruntukan tahun 1975. Sebahagian besar dari peruntukan 1975 itu adalah keperluan pembelian kapal terbang pejuang untuk Tentera Udara yang telahpun selamat diterima pada pertengahan tahun ini.

Seperti yang telah saya nyatakan tadi peruntukan tahun 1976 hanyalah untuk pembayaran tanggungan-tanggungan yang dibawa dari Tempoh Rancangan Malaysia Kedua.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Pembangunan Kementerian adalah digunakan bagi projek-projek pembinaan dan pembelian tanah dan juga pembelian kelengkapan yang dibiayai di bawah bantuan luar negeri. Pembelian kelengkapan yang menggunakan wang Kerajaan adalah disediakan di bawah Peruntukan Mengurus.

Peruntukan sebanyak \$53,157,000 yang diminta di bawah Pecahan-kepala 1 adalah untuk membina berbagai projek perumahan Angkatan Tentera. Di bawah Pecahan-kepala 4 peruntukan sebanyak \$47.27 juta diperlukan bagi pembinaan Pengkalan Tentera Laut di Lumut dan \$5 juta untuk Pengkalan di Kuantan bagi membayar upah-upah pembinaan yang telahpun dimulakan.

Tuan Pengerusi, pembinaan Pengkalan T.U.D.M. di Subang terpaksa dibekukan buat sementara ini memandangkan keadaan kewangan negara. Hanya peruntukan tanda sebanyak \$10 telah disediakan.

Peruntukan sebanyak \$13,364,000 di bawah Pecahan-kepala 6 adalah untuk meneruskan pembinaan dan pembelian kelengkapan berkaitan dengan projek membaikpulih kapal terbang. Untuk memudahkan pentadbiran dan kebajikan anggota-anggota tentera yang sedang menjalankan latihan peralihan, satu pusat latihan dan perumahan sedang dibina di Sungai Buluh dan peruntukan sebanyak \$1.5 juta adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 7.

Peruntukan sebanyak \$0.2 juta di bawah Pecahan-kepala 3 dan \$5 juta di bawah Pecahan-kepala 10 hanya untuk merekodkan nilai alat kelengkapan yang diterima dari Kerajaan Amerika dan Australia.

Hanya peruntukan tanda sebanyak \$10 disediakan di bawah Pecahan-kepala 8 dan 9 untuk mengujudkan kedua-dua Pecahan-kepala itu sekiranya ada pembelian kelengkapan yang dapat diaturkan di bawah bantuan luar negeri.

Bantuan berjenis dari Kerajaan Jepun yang dinyatakan di bawah Pecahan-kepala 11 adalah terhad kepada alat-alat kelengkapan berkaitan dengan kajian hidrografi di Selat Melaka.

Projek ini telahpun selesai tetapi Pecahan-kepala dan peruntukan tanda sebanyak \$10

masih lagi diwujudkan untuk menanggung sebarang pemberian yang mungkin timbul dalam tahun 1976.

Seperti disebutkan tadi peruntukan yang diminta tidaklah termasuk pembelian kelengkapan-kelengkapan dan projek-projek Rancangan Malaysia Kedua. Jika projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga diluluskan dan keadaan kewangan negara mengizinkan perlaksanaannya dalam tahun 1976, maka peruntukan yang diminta ini perlulah ditambah kemudian kelak.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, peruntukan keseluruhan bagi Kementerian Pertahanan bagi tahun 1976 adalah perbelanjaan yang kecil sahaja untuk menjamin keamanan dan kedaulatan negara kita.

Perlunya tindakan jimat cermat dilakukan disegenap lapisan dan segala butir-butir yang menjadi asas Anggaran Belanjawan Kementerian Pertahanan yang dikemukakan ini adalah berdasarkan kepada prinsip ini dan hanya perbelanjaan yang tidak dapat dielakkan sahaja yang dikemukakan.

Tuan Pengerusi, saya memohon izin supaya Anggaran Mengurus Kementerian Pertahanan bagi tahun 1976 di bawah Kepala B. 22 berjumlah semuanya \$1,025,611,040 sahaja diluluskan.

3.45 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap sedikit tentang Anggaran Perbelanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin untuk berucap di dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Pengerusi: Diizinkan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, kalau kita siasat peruntukan untuk tiap-tiap Kementerian, kita boleh dapati peruntukan untuk Kementerian Pertahanan, sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berjumlah lebih \$1,025,000,000. Jumlah ini kurang sedikit daripada peruntukan untuk Kementerian Pelajaran yang paling tinggi di dalam Anggaran Belanjawan untuk tahun hadapan.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya bukan membantah tentang perbelanjaan yang begitu banyak, cuma saya hendak mengingatkan kepada Kementerian Pertahanan, janganlah kita let the defence expenditure amount run wild.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, we are not an industrialised nation, and we cannot afford to spend the way that the industrialised nations have been spending. If I am not mistaken, the Pentagon in America has a budget of about \$76 billion. When they build an aircraft carrier, that goes into the region of more than our whole budget—perhaps twice over. What we should try and do is to get a highly trained professional Army or Armed Forces. Here I am glad that the bodies that are being required for next year are actually smaller than the bodies that have been required for this year. But we are told that, for example, the bodies that are required for this year are 87,561 and for next year the bodies that are required are 86,309. These estimates, I presume, were prepared before the recent spate of incidents both in the urban and in the rural areas. While I would support any reasonable increase in bodies, I must remind the Government that bodies, barracks that are being required here, planes and bullets are not the answer to the threat of militant communism in the country. I want to reiterate again that to combat militant communism, one must get rid of the conditions that cause communism to thrive, that cause militant communism to spread its tentacles not only in the jungles but also in the urban areas.

Coming back to the size of our Armed Forces, I have pointed out just now—and year in and year out I have also pointed it out—that we should not go in for too sophisticated equipment. I want to remind the Government that, for example, Australia, under the Menzies' regime bought the F. 111 aircraft and now it is found that, after spending perhaps more than a billion of Australian dollars on the purchase of the F. 111 aircraft, they are a "white elephant" and to maintain them in operational use, they have to make adjustments in their engines which cause literally millions of dollars again. Now, we do not want to be caught in such a situation whereby we buy

sophisticated equipment when we do not have the staff to maintain it, we do not have the staff to fly such machines, and they are out-of-date soon after.

Sir, while I am on the matter of armaments, I want to ask the Deputy Minister whether it is the practice of this Government to buy arms through private agencies. Now we are buying, as you can see from the estimates today, arms running into hundreds of millions of dollars and as the ordinary man-in-the-street sees it, he cannot understand why this cannot be done on a government-to-government basis. Why must it be done through a private agency either in this country or in the country that is selling us the equipment? All these private agencies then have their "cut". So I would urge the Government to do away with private agencies and buy all the equipment required by our Armed Forces on a government-to-government basis.

Mr Chairman, Sir, while we are also on the Development Estimates of the Ministry of Defence, saya berasa sedih sedikit tiada peruntukan untuk Staff College. Barangkali peruntukan ini dikandungi di dalam Kepala P. 22, Pecahan-kepala 1, Rancangan Perumahan. Maybe it is in that; if it is not in that, then I would want to know why the Staff College, which is supposed to be built, I think, somewhere near the Templer Park, is missing out in the estimates for next year. The Staff College that is now housed in MINDEF in Jalan Gurney is doing an excellent piece of work. I believe it has amongst its Staff Officers being sent for training there, people from neighbouring countries. In one year when I had the honour to be asked to speak to some of the officers who were being trained there, I found that there was one from Australia and one from the United Kingdom. The sooner they have a building of their own the better it will be to prepare our senior officers for senior appointments in the Armed Forces, and I would hope that the allocation of \$53 million-plus would certain something for the Staff College.

Mr Chairman, Sir, early this year, the MINDEF announced the retirement of more than ten senior officers from the Army. Questions were asked in this House, whether the senior officers were asked to leave or whether they retired—there was

a query regarding their resignation. The Government, as is usual in such cases, put on a very bold front and said, "Well, these chaps resigned on their own accord". Of course, we do know that these senior officers resigned of their own accord. They had the Hobson's choice! (*Ketawa*). Either they had to leave the Service and lose their ranks and their pensions or they had to face the music, and they chose the easy way out. That was because we were buying equipment not on a government-to-government basis but through agencies, and these chaps had to evaluate and when you have such a process there is bound to be people who will want to line their own pockets. I would want, Mr Chairman, Sir, to bring to the attention of the Deputy Minister concerned and, through him, to all the officers concerned, that the common talk amongst the rank and file in the Army is, "Doktor, apa boleh buat? Apabila saya berkehendakkan satu kereta untuk bawa isteri saya hendak bersalin ke hospital pun tiada kenderaan tetapi Mejar, Kolonel, Leftenen Kolonel semua menggunakan kereta MINDEF." Now the feeling amongst the rank and file is, it is all right with the higher-ups—"They can use the Army equipment, Army facilities for their own private use and we the lowly foot-sloggers, the lowly lance-corporals, the lowly corporals and the lowly Sergeants, cannot go anywhere near such facilities". I would hope that the Army should be very strict, more so with the officers, because the officers know the rules.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Ahli Yang Berhormat, jangan pandang kepada Menteri sangat. Pandang ke sini.

Dr Tan Chee Khoon: Maaf, Tuan Pengerusi. Pegawai tertinggi tahu syarat-syarat tentang kegunaan kelengkapan MINDEF, tetapi askar-askar boleh dikatakan mereka tidak sedar. And, as such, Mr Chairman, Sir, I would hope that the Army would send out a circular to say that all officers, particularly the more senior ones, should be very careful in the use of Army materials and Army equipment for their own private use.

Mr Chairman, Sir, I just want to end by saying that one way we can cut down on this 86,000 personnel for next year would be to have a small professional army and to

have a larger reservoir of trained staff. In other words, we should introduce National Service and have a large reservoir of trained staff—Singapore does it. I hesitate to use the Israeli example as an example to this country, but Israeli has a very small standing army, but all able-bodied men and sometimes women in Israel are trained and they go for reservist training up to the age of 55 one month every year and thereby you have a very small standing army but a large reservoir of manpower that you can tap. I would want to commend this example to the Ministry of Defence.

3.59 *ptg.*

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Perbelanjaan yang dikemukakan oleh Kementerian Pertahanan dan suka menyentuh beberapa perkara.

Pertama, saya suka menerangkan bahawa dengan adanya anggaran yang lebih daripada satu billion ringgit itu menunjukkan Kerajaan meletakkan kepentingan kepada Kementerian Pertahanan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi, tugas-tugas Angkatan Bersenjata kita menghapuskan komunis dan menentang komunis, tetapi sebenarnya tidak ada yang dicatitkan tujuan-tujuan di dalam Anggaran Belanjawan ini yang kita menentang komunis.

Tetapi sebenarnya ialah siapa juga musuh negara kita, kita tentang—komunis, non-komunis asalkan dia menentang negara kita insya Allah adalah menjadi tanggungjawab angkatan bersenjata kita menentanginya. Pendek kata sangatlah penting Kementerian Pertahanan ini pada segi keselamatan negara kita. Tetapi, Tuan Pengerusi, dukacita sedikit kerana inilah satu Kementerian, sungguhpun begitu penting peranannya, tidak ada mempunyai seorang Menteri yang tetap; Menteri pinjam-pinjam sahaja, Menteri pemangku-pemangku sahaja, begitu juga Timbalan Menteri. Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga memainkan peranan sebagai Menteri Pertahanan tetapi saya mengatakan di sini bahawa jika benar-benar Kementerian Pertahanan kita hendak menjalankan peranannya maka hendaklah kita mempunyai satu Menteri Pertahanan yang betul-betul tidak lain tugasnya tetapi ditumpukan kepada

Kementerian tersebut. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan pula kita hendak menafikan kecekapan dan kebolehannya tetapi kalaulah banyak sangat diberi tugas kepada beliau maka kasihan kita melihatnya; umur beliau baharu 50 tahun lebih tetapi nampak macam orang berumur 70 tahun lebih. Jadi eloklah kita rehatkan dia sedikit dan dilantik seorang Menteri yang betul-betul tetap tugasnya di situ.

Saya juga suka menyentuh berkenaan dengan elaun-elaun yang diberi kepada angkatan bersenjata kita iaitu di bawah Kepala B. 22, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) dan (2). Pada masa sekarang memanglah siapa juga anggota angkatan bersenjata kita kalau mereka pergi ke hutan mereka akan diberi, jika tidak salah, elaun operasi, panggilan tekniknya saya pun tidak tahu, tetapi adalah sedikit sebanyak diberi elaun operasi. Saya juga difahamkan bahawa elaun operation ini tidaklah begitu mendatangkan kepuasan hati kepada anggota kita memandangkan kepada beratnya tanggungjawab mereka dan riskonya masa mereka pergi ke hutan membuat operasi menentang musuh-musuh kita. Jadi, untuk supaya Kementerian Pertahanan dapat memuaskan hati anggota angkatan bersenjata, iaitu perajurit-perajurit kita, maka hendaklah ditimbangkan agar elaun operasi ini dapat ditambahkan.

Saya juga suka menyentuh Kepala B. 22, Pecahan-kepala 2700 dan 2800, Aktiviti (1) hingga (5) iaitu bekalan dan bahan-bahan termasuk juga Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) iaitu Perkhidmatan Logistik. Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa Kementerian Pertahanan kita menghadapi beberapa kerumitan berkenaan dengan mendapatkan bekalan. Ada dikatakan oleh seorang yang senior di dalam Angkatan Bersenjata bahawa kerumitan yang dihadapi oleh Kementerian ialah harga yang hendak dibeli itu selalu sahaja naik. Yang kedua delivery time tidak tentu, kalau dikatakan 6 bulan boleh jadi memakan masa setahun. Dan ketiganya alat-alat ganti. Tuan Pengerusi, sebagai seorang pereman, iaitu saya bukan seorang askar, tetapi seorang pereman, dan seorang yang pernah membuat perniagaan di dalam impot-ekspot, saya tidak mengerti mengapa maka adanya dan timbulnya tiga kerumitan ini iaitu harga sentiasa naik, delivery time dan alat-alat ganti. Sebab apa? Jika kita hendak membeli satu barang dan

kalau benar-benar Purchasing Officer itu seorang yang cekap maka sebelum dibeli barang-barang itu sudah ditentukan delivery time bila, harganya berapa, baik harga C.I.F. ataupun F.O.B.nya ada disebutkan dan juga alat-alat gantinya mesti dijamin oleh siapa juga yang membekalkan alat-alat itu, Tuan Pengerusi. Jadi, di sini saya nampak timbulnya kerumitan yang disebutkan oleh seorang Jeneral di Kementerian Pertahanan itu agaknya adalah kerana pegawai yang bertanggungjawab untuk membeli itu seorang pegawai yang tidak tahu akan tugasnya. Dengan sebab itu hendaklah pihak Kementerian mengkaji perkara ini supaya dapat ditentukan. Kerana misalannya kalau kita sudah membeli satu barang, alat-alat gantinya tidak ada; kalau ada pun senapang tidak boleh ditembak apa jadinya, Tuan Pengerusi, kita tidak boleh sumbatkan dengan kacang puteh untuk menembak.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh di sini berkenaan dengan Logistik. Angkatan bersenjata mempunyai satu setor yang besar di Batu Cantonment. Pengaduan-pengaduan telah diterima bahawa ada penyelewengan di sana. Saya suka mengambil peluang ini menguraikan supaya pihak yang bertanggungjawab dapat menyelidik perkara ini, tetapi benar terjadi, buktinya ada; iaitu jikalau seorang pemborong hendak menghantar barang-barang yang ditempah oleh Kementerian Pertahanan, kalaulah misalannya barang-barang yang ditempah itu dibawa dengan lori diserahkan di Batu Cantonment, kalau ada 500 yunit, maka ada pakatan, pakatan yang dibuat oleh pegawai supaya 500 yunit itu ditambah kepada 1,000 yunit dan apabila bayaran 1,000 itu akan diberi kepada kontraktor, harga 500 nanti, ditempat yang lain, akan dipulangkan pula kepada pegawai itu. Ini terjadi, Tuan Pengerusi. Dan kerana saya memegang kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah kita berjimat-cermat; perkara ini adalah perkara penyelewengan dan eloklah Kementerian ambil berat buat serbuan-serbuan tetapi kalau hendak saya mengemukakan bukti-buktinya tidaklah boleh saya menyampaikan satu surat kepada Kementerian yang berkenaan mengatakan Kapten si anu, si anu menerima sekian-sekian ribu ringgit daripada kontraktor Ah Chong & Co., tidak dapat saya, tetapi buatlah perangkap-perangkap supaya dapat penyelewengan ini diperbaiki.

Saya juga suka menyentuh Kepala B. 22 iaitu Pecahan-kepala 1300—Tambahan Kos Kakitangan, Aktiviti (5). Di dalam satu dailog saya telah diterangkan bahawa tiap-tiap tahun ribuan orang daripada kakitangan angkatan bersenjata dipencenkan atau diberhentikan. Pada tahun 1960 lebih 2,000 orang dipencenkan atau diberhentikan. Baharu-baharu ini, iaitu tahun 1975, lebih 5,000 orang diberhentikan atau akan dipencenkan. Kita mengetahui bahawa proses melatih, proses training, menelan belanja. Orang yang diberhentikan ini, saya diberitahu, adalah di dalam lingkungan umur 30 dan 35 tahun, masih lagi kuat tetapi khabarnya kerana kategori P.E.nya iaitu kategori B kah, kategori C kah, atau begitu, tidak dapat lagi mengikuti latihan-latihan berlari dan sebagainya yang sentiasa diadakan oleh betalion-betalion mereka, maka terpaksa orang-orang itu diberhentikan.

Tetapi pada segi pengalaman, pada segi kecekapan, orang-orang ini yang sudah berkhidmat 15-20 tahun memang tidak boleh kita nafikan. Di sini saya mencadangkan supaya satu pengkajian dibuat oleh Kementerian untuk menggunakan orang-orang yang bersara ini dibuat satu battalion yang khas, satu pasukan veteran yang khas, dan orang-orang ini boleh digunakan untuk kerja-kerja ringan. Kakitangan-kakitangan atau anggota-anggota yang kuat yang berumur 20-25 tahun itu boleh dihantar ke hutan buat operation dan sebagainya, tetapi anggota-anggota berumur 30-35-40 tahun boleh digunakan masa emergency untuk mengawal di pekan-pekan dan sebagainya. Sekarang ini dengan adanya Rela, dengan adanya pula Rukun Tetangga boleh dijadikan veteran-veteran ini sebagai anggota-anggota badan-badan itu dan juga menjadi instructor. Jika tidak, kebanyakan mereka yang saya katakan tadi tidak dapat bekerja; ada sarjan dan ada captain menjadi watchman.

Saya minta juga Kementerian yang berkenaan dapat memberi galakan bukan sahaja angkatan tentera atau perajurit-perajurit kita yang sedang berkhidmat, tetapi bakal-bakal orang yang akan menjadi anggota angkatan bersenjata dengan memberi layanan kepada orang-orang yang akan bersara dan yang sedang bersara. Kepada orang-orang bersara, perkara ini sudah saya bawa di dalam Dewan yang mulia ini, hendaklah difikirkan, kerana orang-orang ini hanya 5,000-6,000

orang sahaja, maka hendaklah diberi keistimewaan apabila, misalnya, mereka menggunakan keretapi diberi setengah bayaran.

Jika Kementerian Pertahanan membuat recommendation ini dan ditujukan dengan sokongan yang kuat kepada Kementerian Pengangkutan, saya percaya kementerian tersebut akan mengambil berat. Dengan adanya keistimewaan yang diberi ini orang-orang ini pun dapatlah galakan untuk menjadi anggota angkatan bersenjata.

Selain daripada itu Kementerian Pertahanan juga hendaklah mengambil berat supaya anggota-anggota kita yang bersara diberi keutamaan untuk mendapat tanah-tanah bukan sahaja tanah-tanah bagi mereka bercucuk-tanam tetapi juga tanah-tanah perumahan. Jangan dibiarkan Kerajaan Negeri hanya mengutamakan, misalnya kalau Negeri Pahang hanya warganegara Pahang, kalau Perak warganegara Perak, Selangor dan Johor dan sebagainya. Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah mengutamakan bekas asykar itu, walau daripada mana-mana negeri mereka datang, kalau dia bekas asykar hendaklah diberi keutamaan over and above orang negeri.

4.15 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, disamping berucap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Campur-campur.

Dr Chen Man Hin: Tuan Pengerusi, saya hendak bangkit tiga, empat perkara sahaja. Mula-mula sekali saya mendapat tahu Kerajaan ada cadangan untuk membina satu pengkalan T.U.D.M. di Subang untuk kapal-terbang-kapalterbang. Tetapi kalau tidak salah saya di mana-mana negara, pengkalan kapal-terbang tentera tidak boleh campur dengan civil aerodrome sebab kalau ada banyak flight dan kapal-terbang civil yang mahu masuk dan kalau ada kapal-terbang jet dan lain-lain maka akan menjadi satu masalah yang besar.

(Dengan izin) I am not quite sure what the purpose of the air base at Subang is—whether it is for training facilities or whether it will be a full-time air base for our Air Force. Whatever it may be, I think the idea

of having landing facilities at the same place for both civil and war aircraft is quite contrary to the safety of passengers who land or take off in civil airplanes because the number of flights of civil aircraft in Subang Airport itself is increasing day by day, and if we put together more landings or flights by warplanes, it will create quite a problem. I would, therefore, urge the Government to reconsider the question of using the facilities at Subang for its Air Force and see whether it is advisable or not advisable. On the contrary, I think that we should shift the air base to another place where it will not interfere with the flights of civil aircraft.

Then again there is this question of Pengkalan Laut di-Raja Malaysia di Lumut. Malaysia is a big country and is widespread. In fact, between East Malaysia and Peninsular Malaysia, there is a very broad stretch of sea of about a thousand miles or so. Saya tidak berapa faham sebab adakan satu Pengkalan Tentera Laut untuk war vessels di tepi pantai barat Peninsular Malaysia. Actually speaking, the naval base should be at the centre of Malaysia, and the proper site for a major naval base, I think, should rightly be on the East Coast where the war vessels would be more easily accessible and more available for the two parts of Malaysia—East Malaysia and Peninsular Malaysia. To have a major naval base sited at Lumut on the West Coast, from the logistic point of view, may not be so feasible. Of course, I understand that there is also a naval base at Kuantan, a subsidiary base; it may be so, but the fact is from the logistic point of view, when you want to supply lots of materials and ships to the other parts of Malaysia, especially to East Malaysia, where there is a broad stretch of sea to cover and to ensure the safety of our people on the seas of Malaysia, i.e. our fishermen from the raidings of pirates, I think, the location of this major naval base should rightly be on the East Coast, i.e. at Kuantan.

Then, Tuan Pengerusi, on the matter of the Army, it is interesting to note from the Deputy Minister to the Prime Minister's Department that the expenditure for this year as compared to last year is a bit less. The Honourable Deputy Prime Minister in his Budget Speech had warned that the House could expect an additional budget at a later date next year for expanding the Army, the

Air Force and other Defence Forces. So, I would take it that his statement should not be accepted completely without some criticisms. While, of course, it is reiterated that the Government would like to combat the dangers to this country through political and economic means, I would also stress that the next supplementary budget that is going to follow will not emphasise too much on the expanding of the Armed Forces when the money could be more wisely and meaningfully used in other areas especially in the fields of economy and development, I would think that the emphasis now should be on improving the quality of the Armed Forces and the discipline of the Armed Forces and the effectiveness of the Armed Forces since we are now short of funds during this time of recession.

On the matter of discipline and quality, I would like to inform this House of one incident. Ada satu perkara yang telah dilakukan iaitu bila saya menaiki keretapi dengan kawan-kawan saya, saya telah bercakap dengan beberapa orang askar-askar kita yang mana mereka mengatakan hendak pergi ke Thai Border dan saya telah melihat mereka menghisap ganja. Saya bertanya mengapa mereka menghisap ganja dan bagaimana hendak berlawan dengan musuh? Dia mengatakan, "Sebab kita hendak pergi ke Thai Border dan barangkali nyawa kita tidak tentu, sebab itulah kita hisap ganja". Tuan Pengerusi, this is a very serious matter and I think the Ministry should make an enquiry to see just how extensive the question of ganja smoking is prevalent among the Armed Forces in this country. If it is a small matter, then it can still be nipped in the bud tetapi kalau hisap ganja adalah menjadi masalah yang besar dan akan merebak di mana-mana tempat dan ramai askar atau lain-lain orang akan menghisap ganja, saya ingat this is a serious matter and should be looked into and enquired into in order to ensure that there will be no more ganja smoking; otherwise the whole morale of the Armed Forces will deteriorate.

Then, Tuan Pengerusi, one other point. On the effectiveness of the Armed Forces, let me state here that we in the D.A.P. on this side have always called upon the Government to institute National Service whereby able-bodied young men and women and even mature men and women of reasonable age

could be enlisted to serve for some time in the Armed Forces. The question of having a multi-racial Army is not just for the purpose of having an image to tell the people that we are having a multi-racial Army or Air Force, which in fact we do not have now at the moment even, but our idea of calling for a multi-racial composition of the Armed Forces is not just for show. This is what the Government is actually doing now. We have only a few non-Malays—in the Royal Engineers and the Royal Signals. But if you want to have an effective Army, then you must let the people know that this is the People's Army, that this is our Air Force, this is our Armed Forces and that this is the People's Army. Thus it will not be said, "It is their Army and not our Army". This is what is being said now. Therefore, I urge the Government to make a brave, sincere and conscientious effort to ensure that there is a process of integration in the Armed Forces which will be truly representative of the peoples of this country.

As the Honourable Member for Kepong has said, from the economic point of view also, it is a sensible objective because if we have a sufficient reservoir of trained people from all races, trained to fight, ada dapat training (latihan), then these people can be called upon to serve the country in an emergency or at any time. He has quoted the examples of Singapore and Israel, but let me add another example and that is Switzerland where this training has been in operation for many, many years and it has been very successful. They have kept their expenditure for defence at a very low percentage on the general budget. I think that this is an example that we can follow here if we want to keep our expenditure for defence and security to a low percentage of the general budget, so that more money can be spent on economic and social development. Therefore, I call upon the Government again to think seriously on this matter. In fact, the Honourable Prime Minister himself had said, when he came back from a tour of Europe and in particular Switzerland, that he would think of implementing a National Service of a type similar to that of Switzerland. When he came back here some years ago, beberapa tahun dahulu iaini tiga empat tahun dahulu, dia telah mengatakan kerajaan ada ditubuhkan satu jawatankuasa untuk menyiasat perkara ini tetapi malangnya sampai sekarang kita tidak dapat apa-apa hasil atau lapuran dari-

pada jawatankuasa itu. So, we hope and we sincerely urge the Government to think about this matter seriously because not only must we give the image that our Armed Forces is truly the People's Army but the people themselves must also feel that this is "our" Armed Forces and not let others say that this is "their" Armed Forces.

Lagi satu perkara yang akhirnya, Tuan Pengerusi, Perkara ini sudah dibangkitkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang menyatakan tentang professional training (latihan profesional) untuk askar-askar kita dan lain-lain. I think this is a very important matter because from information received—and this is not from the local newspapers here but from journals outside—it is stated that quite a number of the people who have joined the Communist guerillas at the Malaysian/Thai Border come from the ex-servicemen and they have joined the Communists not because they believe in their ideology but more because they are in need of money to upkeep themselves and their families. So, if this is not nipped in the bud, if this matter is not put right, it may cause serious consequences. While I see here that the Government has made provisions under Kepala B. 22, Pecahan-kepala 7 for the Pusat Latihan dan Perumahan bagi Bakal-bakal Tentera, I think more serious efforts should be made in this direction not only for prospective ex-servicemen but also for the servicemen who are now in service. From the moment they enter, they should be trained in some vocation or some skill or profession. Quite a number of people who join the Armed Forces have some education and I think not only should they be made use of just merely as fighting digits to defend the country but also they should be given a chance to train themselves, to educate themselves further. If they are capable, I think they should be selected for education in the Universities or Higher Educational Institutions, so that when they are discharged from the Army or when they retire, they have a qualification or vocation or skill and they can be suitably employed and not be "seduced" by guerillas to join them for a price, and instead of serving the country as productive citizens, they may become mercenaries under the control of the guerillas.

Tuan Pengerusi, these are the few points that I have brought up, and I hope the

Government will take note of what we the Opposition have said from this side of the House.

4.30 ptg.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Semerah): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian bercakap mengenai dengan Kementerian Pertahanan di bawah Kepala B. 22, Pecahan-kepala 1200, Aktiviti (1), (2), (3) dan (5) yang mana Kementerian Pertahanan telah mendapat peruntukan lebih daripada \$125 juta yang telah dikemukakan di Dewan ini yang mana kita percaya bahawa Kerajaan kita sedar sekiranya ingin hidup bebas kita mestilah berani berdiri di atas kaki kita sendiri di dalam semua lapangan pembangunan, terutama sekali dalam pertahanan negara. Tetapi dalam penghidupan dunia yang genting ini di mana sebuah negeri, satu masyarakat dan seorang individu tidak percaya satu dengan lain dan tidak yakin sesama sendiri Malaysia perlulah berjaga dan bersiap sedia menguatkan lagi pertahanannya. Kita semata-mata tidak boleh bergantung kepada sekitar tentera yang ada berlatih di negara kita ini dan kita perlu menambahkan lagi lebih banyak tentera-tentera dan juga seluruh rakyat yang taat setia perlu juga memberikan kerjasama dengan Kerajaan dengan menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan kita. Kerana memandangkan keadaan negara kita pada akhir-akhir ini boleh dikatakan setiap hari rakyat yang taat setia yang menjaga dan mengawal keamanan negara kita telah terkorban disebabkan pembunuhan yang kejam daripada pihak-pihak komunis dan penjahat-penjahat yang ada di dalam negara kita pada hari ini.

Di samping untuk menguatkan kekuatan angkatan tentera kita, saya juga mengharapkan kepada Kerajaan supaya berhati-hati apabila membeli alat-alat senjata seperti senjatapi-senjatapi dan peluru-peluru, kerana apa yang saya telah difahamkan ada penyelewengan berlaku di dalam kalangan pembelian ini yang mana dikatakan senjatapi, peluru dan alat-alat pertahanan yang lain yang dibeli oleh Kerajaan bolehlah dikatakan bukannya daripada jenis yang bermutu yang boleh digunakan untuk mempertahankan negara kita. Jadi dengan keadaan ini sekiranya perkara ini tidak diamati dan diselidik betul-betul oleh Kera-

jaan bererti Kerajaan kita mengalami kerugian dan rakyat juga terkorban, yang untungnya hanya beberapa orang sahaja mengambil kesempatan mencari kekayaan di dalam masaalah ini.

Kita pada hari ini adalah memandang tinggi terhadap tanggungjawab pihak tentera dan kakitangan pasukan bersenjata yang telah menjalankan peranan mereka dengan cergas dan cekap di sepanjang masa terhadap negara dan tanahair kita, bahkan kita tahu dan menaruh sepenuh-penuh kepercayaan kepada perwira tanahair kita yang mana mereka itu semuanya adalah mengadaikan nyawa dan tenaga kerana mempertahankan negara dan tanahair. Ada yang terkorban pada masa menjalankan tugas dengan meninggalkan isteri menjadi janda dan anak menjadi yatim, menyebabkan kehidupan mereka ini daripada terang menjadi gelap, kerana tempat harapan bergantung telahpun lenyap manakala perkara ini telah berlaku pada perwira tanahair. Kita tidak menafikan bahawa Kerajaan telah mengambil perhatian berat kepada anak-anak dan balu-balu ini dengan menghadiahkan wang saguhati dan bantuan bulanan kepada keluarga mereka, tetapi bantuan ini selalu tidak mencukupi hanya sekadar sara hidup sehari-hari. Ada yang tidak dapat untuk melanjutkan pelajaran anak-anaknya ke sekolah. Memandangkan perajurit tanahair yang terkorban pada masa menjalankan tugas kerana negara dan tanahair kita, saya suka mencadangkan supaya Kerajaan dapat menubuhkan sebuah badan yang dinamakan Badan Penjaga Anak-anak Yatim Anggota Pasukan Bersenjata atau Tabung Biasiswa Anak Yatim Perajurit Tanahair. Maka dengan adanya badan-badan ini terbentuklah nasib anak-anak yatim ini bergantung harapan di dalam segi pelajaran, pendidikan di masa hadapan sebagai memandangkan anak bangsa yang berjasa kepada negara dan tanahair kita.

Tuan Pengerusi, tujuan cadangan ini dibuat ialah memandangkan penderitaan yang ditanggung oleh balu-balu tentera pasukan keselamatan ini apabila suaminya meninggal dunia di dalam masa bertugas. Ini tidak boleh dinafikan kerana akhbar-akhbar juga boleh dikatakan sering mengeluarkan penderitaan yang diterima oleh balu-balu ini. Kisah penderitaan yang serupa ini sepatutnya tidak boleh dibiarkan

berlanjutan begitu sahaja, sedikit-sebanyak ia mempunyai kesan juga kepada masyarakat sedangkan Kerajaan kita telah menyeru pemuda-pemuda untuk memasuki perkhidmatan angkatan tentera bersenjata dengan sakti mempertahankan kedaulatan negara. Betapa anak-anak muda ini mahu mempertahankan kedaulatan negara jika saban masa mereka mendengar penderitaan balu-balu pasukan keselamatan hidupnya sengsara, pada hal semasa hayatnya Si suami menggadaikan nyawa mempertahankan negara dari ancaman musuh. Walaupun pada suatu ketika yang mana Kerajaan beria-ia benar mempertahankan perajurit yang gugur dengan meletakkan kalungan bunga di kubur-kubur pahlawan dan sebagainya. Dengan ini saya percaya sekiranya pihak Kerajaan bersetuju dengan cadangan yang saya kemukakan di Dewan ini bererti nasib balu-balu dan anak yatim tentera bersenjata yang terkorban ini dapat terjamin dan dengan tidak secara langsung kita akan mendapat sambutan dari orang ramai demi untuk mempertahankan negara dan tanahair kita.

Tuan Pengerusi, kepada Menteri Pertahanan kita mengharapkan dapat menjalankan tugas dan langkah-langkah yang agak positive untuk mengatasi pengangguran di kalangan bekas-bekas perajurit dengan menubuhkan beberapa jabatan khas untuk menolong mencari pekerjaan pada mereka. Sungguhpun begitu anggota perajurit sebagai tenaga yang banyak membuat jasa serta pengorbanan kepada negara maka banyak lagi masaalah utama yang perlu diselesaikan dengan segera. Ada beberapa masaalah mengenai perajurit tanahair kita ini pada masa ini seperti perumahan, persekolahan anak-anak, gaji dan masa di dalam persaraan. Bagi mengatasi di dalam masaalah ini maka dengan ini saya mencadangkan supaya Kerajaan menyegerakan perlaksanaan perumahan bagi perajurit yang berkelamin. Ini adalah memandangkan kepayahan tempat kediaman perajurit-perajurit apakala mereka bertukar dari satu tempat ke satu tempat manakala bertugas di tempat-tempat yang lain.

Mengenai persekolahan anak-anak perajurit ini Kerajaan juga hendaklah mengadakan dan menyediakan asrama-asrama penuh bagi anak-anak yang menuntut di sekolah-sekolah menengah. Dengan adanya asrama-asrama seperti itu maka tidaklah menjadi

gangguan kepada anak-anak perajurit apakala ibubapa bertukar dari satu tempat ke satu tempat.

Mengenai dengan tanggagaji Kerajaan juga patutlah mengkaji semula tanggagaji perajurit kerana dengan adanya tanggagaji seperti yang ada ini adalah tidak begitu memadai bagi perajurit-perajurit ini jika dibandingkan dengan tugasnya semakin hari semakin bertambah. Bertambah pula hidup di dalam zaman inflasi ini dan mengelakkan daripada satu-satu perkara yang tidak diinginkan. Dan Kerajaan juga hendaklah mengambil perhatian berat kepada perajurit-perajurit yang sudah berpencen atau bersara melihatkan nasib mereka. Selama ini bekas-bekas perajurit ini cuma dapat bekerja atau peluang bekerja ialah sebagai jaga di bank-bank dan di syarikat-syarikat swasta dan juga bekas perajurit yang diberi peluang masuk sebagai peneroka di dalam rancangan tanah Kerajaan. Tetapi kebanyakannya gagal kerana kelebihan umur yang mana baru-baru ini kita sendiri telah dapat menyaksikan di dalam berita-berita akhbar beribu-ribu yang telah merasa keciwa kerana permohonan mendapatkan tanah di dalam rancangan tidak dapat dilayani.

4.41 ptg.

Dr Ling Liong Sik (Mata Kuching): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas Kepala Perbekalan B. 22, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) dan (2).

Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu memohon izin bercakap campur dalam bahasa Inggeris. Saya hendak quote sedikit daripada Lapuran Juru Odit Negara yang baru dikemukakan di Dewan ini, iaitu di muka surat 213 ada satu perkara berkenaan dengan purchase of mosquito nets. Di sini Kementerian Pertahanan had purchased "Single Green Mosquito Nets" at \$5.75 each dan mereka had placed an order for 72,369 pieces tetapi yang ada supply daripada kontrektor itu ialah only 47,308 pieces. That means there was a balance of 25,061 pieces that were not supplied. Lepas itu, in 1973 an order was placed again for 11,000 pieces at \$7.49 each compared to \$5.75 each earlier on and another order at \$9.80.

Tuan Pengerusi, this is an example of wasteful expenditure of money because if the original order had been supplied, then

there would not have been the wastage of an extra \$63,690. The second contract of \$9.80 was given to the first contractor who failed to supply the 25,000 pieces.

Tuan Pengerusi, ada lagi on page 216, where Kementerian Pertahanan has been noted by Juru Odit to waste \$21,790 in one year because of delay on the part of the Ministry of Defence in collecting from Port Kelang the goods that had arrived, thus paying godown charges.

Lagi satu contoh, Tuan Pengerusi, also on pagi 216, apabila satu canteen contract was awarded, it was discovered only after 1½ years that the rental had never been paid, that there was no contract entered into and there was also no deposit given by the contractor and finally when they discovered it, the contractor was owing \$16,704.20 in unpaid rentals alone.

Tuan Pengerusi, contoh-contoh seperti ini bukanlah tentang orang-orang yang bekerja di Bahagian Pentadbiran Kementerian Pertahanan yang tidak boleh membuat salah. Tetapi these are glaring examples of mistakes, all noted under Lapuran Juru Odit Negara. The question, Tuan Pengerusi, that comes to mind is: firstly, whether we are getting the correct type of personnel in the Armed Forces; secondly, could it be that the personnel are feeling a sense of frustration and therefore not being so productive.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Di dalam siasatan saya sendiri, I have discovered that within the Armed Forces, we have today a sense of dissatisfaction with their pay structure. We must consider this because so far most Service Commissions' pay structures have been for civil servants and considering, Tuan Pengerusi, that military officers' services are always at the discretion of the Yang di-Pertuan Agong, they might not be even allowed to resign unlike civil servants who can always give one month's notice or even give 24 hours' notice and one month's pay. We must take note of these facts when we consider the position of the Armed Forces' personnel, Tuan Pengerusi.

The other more pitiful sector of the Armed Forces ialah the short-commissioned officers who are in the service only for a short period of time—seven to eight years—

and after seven to eight years of their service, they are told to leave only with a compensation of \$10,000—no pension, no security whatsoever—and often these people who leave after seven to ten years are too old to be eagerly taken up by the private sector. Of course, we know that some find jobs as security officers and salesmen and all that, but generally they have spent the best ten years of their life serving the country, and they are thrown out with no security and no pension, but with a small gratuity only.

Tuan Pengerusi, I refer also to the rank and file, the ex-service men. On retirement they also get a very small gratuity and a very small pension to upkeep sometimes five, six or seven children. The primary consideration in considering the position of the Armed Forces, Tuan Pengerusi, is that they are all the time at the front lines of our defence and they are liable to get shot dead at anytime and all that they get is \$10,000 from the Tabung.

Saya hendak memberi satu contoh apabila we can equate, we can see the equations between the Armed Forces just at one level and the Civil servants. Tuan Pengerusi, under the proposed Ibrahim Ali Report, Brigadier-Generals are equated to the level of Superscale "F". We have 16 Brigadier-Generals in the Armed Forces commanding 86,309 people for next year. To compare this, we take a small setup like the Penang City Council which has got 15 Superscale "D"s, one grade higher, and they do not have anything near 86,309 people. I must take this case in point again, Tuan Pengerusi, because if you consider that we have got three Brigadier-Generals manning three Brigades at the northern frontiers of our country who on themselves bear the responsibility of dictating the military situation in the whole country and if you consider the responsibility that they hold yet they are only equated to Superscale "F" while there are people in the smaller organisations in the Civil Service who are graded Superscale "D". I want to ask, Tuan Pengerusi, where is the parity and how do we get the best to join the Army?

Tuan Pengerusi, it is my very firm opinion that we need a very professional soldier, a very good soldier, a good officer, who can make a decision on his own right in the middle of the jungle and make the right

decision. I submit, Tuan Pengerusi, that we must look into the affairs of our brethen in the Armed Forces much more closely. Their pay structure is one of the main things and they must get the proper remuneration for this sort of dangers that they are undergoing and for the responsibilities that they are bearing. To underscore my point, Tuan Pengerusi, not so long ago, 20 Officer-cadets were sacked from the Military College while under training to become Military Officers. Now, they were found during training to be sub-standard. This shows, Tuan Pengerusi, that the poor pay scheme, together with inherent dangers of being military men, are not attracting the right calibre of people to join the Armed Forces. On the other side of it, it also speaks very well of the Armed Forces in that despite the poor pay scheme, despite the inherent dangers that they are inheriting, they are still maintaining very high standards in the Armed Forces.

Tuan Pengerusi, I hope that the Menteri yang berkenaan can take note of these few points to make sure that we have a happy, efficient and proud fighting force—happy, because of the risks that they are taking for the Nation, they are well looked after; efficient, because their standards are well respected; and proud, because we, the people, give them the weightage they deserve, being at the frontline of the Nation's defence against the Communists.

Tuan Pengerusi, we have a loyal fighting force up to this day, and I hope that we will continue to look into the problems of our fighting force so as to continue to earn their loyalty.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, I wish to welcome the statement of Yang Amat Berhormat Perdana Menteri at the opening of the M.C.A. Annual Delegates' Conference this year when he said that the country would implement National Service but at a time when our finances are much better off, because this is the time of recession. I want to reiterate the call again for National Service as soon as possible.

4.51 ptg.

Tuan Haji Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri menyokong penuh perbelanjaan Kementerian Pertahanan yang dibentangkan tadi yang menunjukkan peruntukan sebanyak

\$1,025,611,040 dan saya suka lah bercakap pada keseluruhan Kepala B. 22 dan P. 22. Lebih dahulu saya suka mengucapkan setinggi tahniah kepada Kementerian ini yang dianggap sebagai satu Kementerian yang sangat penting kepada negara kita, kerana pertahananlah yang merupakan benteng menjaga seluruh angkatan tentera kita dan seluruh negara kita, baik dari segi keselamatan, kemakmuran dan juga kemewahan dan projek pembangunan kita tergantung kepada pertahanan kita, tergantung kepada angkatan tentera kita. Kalau sekiranya sesuatu berlaku yang tidak diinginkan dalam angkatan tentera ataupun sesuatu berlaku perpecahan dalam angkatan tentera kita, maka akan menjejaskan keselamatan dan kemakmuran negara. Selama ini pihak Kementerian Pertahanan dapat mewujudkan suatu angkatan tentera yang begitu stabil, begitu kukuh, bagaimana yang kita saksikan. Saya rasa seluruh rakyat negeri ini terhitung budi kepada angkatan tentera kita dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan tahniah atas pengorbanannya selama ini.

Saya suka menyentuh keadaan yang berlaku sekarang. Yang pertama sekali berkenaan dengan ancaman kepada negara kita. Sebagaimana yang kita ketahui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah memberitahu bahawa janganlah kita mengabaikan atau cuaikan terhadap keadaan keselamatan negara kita. Oleh sebab keselamatan negara kita sentiasa digugat dan ancaman kominis nampaknya semakin begitu bermaharajalela, maka sudah sewajarnya lah Kementerian ini membesarkan angkatan tentera kita dengan secepat mungkin yang boleh, tetapi kalau kita pandang kepada perbelanjaan pembangunan tentera kita yang berbeza daripada tahun yang lepas cuma \$10 juta sahaja. Ini menunjukkan satu tambahan yang sedikit, amat sedikit kalau dibandingkan dengan keadaan tentera kita yang ada sekarang ini dengan kewajipan yang hendak dijalankan oleh tentera kita. Sepatutnya sudah sampai masanya sekarang kita memberi tambahan kepada pembangunan tentera lebih daripada apa yang kita telah dapat dalam tahun lepas bukan \$10 juta, bahkan barangkali \$100 juta. Tidak ada siapa yang akan berasa kecil hati kalau sekiranya tentera kita diperbesarkan dan diperkuatkan dengan membeli senjata moden untuk memperkemaskan segala pertahanan kita.

Sekarang saya menyentuh P. 21 dan P. 22 dalam Bahagian Tentera Laut, Udara dan Darat yang mana sudah sampai masanya diperbesarkan bukan sahaja tugas kita untuk melawan musuh di sempadan, bukan maknanya saya hendak menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara tentera, tetapi banyak aspek lain yang boleh kita gunakan tentera kita ini dari segi menjaga keamanan, umpamanya tentera laut: Kita pernah mendengar penyeludupan berlaku sebab Malaysia sendiri dikelilingi oleh laut, baik di Timur atau di Barat. Kita pernah dengar musuh-musuh kita menggunakan laut sebagai tempat penyeludupan senjata dan penyeludupan dadah. Inipun mengancam negara kita dan sudah sepatutnya tentera laut kita diberikan satu tugas yang penting bukan sahaja menjaga musuh-musuh peperangan tetapi menjaga musuh-musuh penyeludup ini. Kalau hendak menjaganya mestilah banyak kapal-kapal kecil kita yang menjaga pantai dan banyak angkatan tentera kita berkawal dan kapal-kapal kita itu mestilah dilengkapi dengan alat-alat moden lebih laju, mempunyai senjata-senjata moden dan lebih lengkap lagi daripada yang ada sekarang. Begitu juga tentera udara kita tidak boleh menafikan bahawa negara kita tebal sekali dengan hutan rimba, barangkali susah kita hendak melawan musuh dengan tentera darat semata-mata, tentera berjalan kaki semata-mata dan kita memerlukan bantuan tentera udara yang lebih cekap. Walau kita tidak berkehendakkan pergi menyerang negara lain ataupun tidak ada musuh hendak datang menyerang dari udara, tetapi kita sedar pada hari ini bahawa sempadan kita dengan Thailand sangat tebal hutannya, maka musuh-musuh sedang menyeludup melalui kawasan hutan ini, terutama sekali anasir komunis, maka sudah sampai masanya kita mengawal sempadan darat itu, bukan sahaja dengan tentera darat atau pasukan keselamatan dengan tentera jalan kaki malah patut juga digunakan kapalterbang yang lebih lengkap yang dapat mengawasi daripada udara yang mana lebih senang lagi melihat musuh-musuh dan dapat dibom dari udara. Bagaimana baiknya sekali kesan yang kita nampak daripada latihan tentera udara kita bersama dengan Indonesia baru-baru ini di bawah latihan Lang Satu. Bagaimana tentera udara kita boleh memainkan peranan yang sangat penting dan memberi kesan yang sangat baik dalam menentang komunis dan tentulah kita berkehendakkan kapalterbang

yang sangat baik dan senjata-senjata moden serta latihan-latihan askar udara kita yang lebih baik dan cekap lagi.

Dalam hal ini juga, Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi kita memberi tahniah kepada angkatan tentera kita dapat mewujudkan satu angkatan tentera yang stabil yang sangat membanggakan kita lagi ialah bagaimana pasukan tentera darat, laut dan udara dengan general-generalnya dan pasukan-pasukannya dapat menunjukkan satu kerja yang padu, bekerja dengan satu team dan memberi kejayaan yang besar dalam menjaga keselamatan tanahair kita, kerana saya kata begitu kita tidak nampak berlaku dalam pasukan tentera kita perkara-perkara perkelahian, persingkataan ataupun rasa tak puas hati merebak-rebak seperti kita dengar di negara barat atau negara luar. Pernah kita dengar di negara luar tentera udara bermusuhan dengan tentera laut, tentera udara mengebom tentera laut dan mengebom tentera darat sendiri. Ini tidak berlaku di tanahair kita yang mana kita sudah mempunyai tentera hampir 50 tahun. Inilah satu perkara yang saya rasa rakyat negara ini boleh bangga bagaimana matangnya general-general atau ketua-ketua tentera kita dan pemerintahan politik kita walaupun negara kita kecil, tetapi dapat menunjukkan kebangsaan ini kepada dunia luar juga yang kita dapat mewujudkan satu pasukan tentera, satu angkatan tentera atau satu pertahanan yang kuat dan padu sehingga negeri luar juga pernah memuji dan malu denyan kebijaksanaan pimpinan kita.

Saya berharap pihak Angkatan Bersenjata kita teruskan usaha ini dan meyakinkan rakyat kita bahawa walau berapa billion ringgit diberi belanja kepada Angkatan Tentera, maka kita terasa puas kerana kita boleh mewujudkan satu Angkatan Tentera yang stabil dan yang taat setia dengan begitu amanah. Dalam pada itu kalau kita hendak mewujudkan keadaan Pasukan Tentera yang seumpama ini tidak syak lagi kita kena memberi layanan yang baik kepada seluruh kakitangannya. Saya sokong seperti apa yang dikatakan oleh saudara saya tadi iaitu memberi layanan yang baik kepada Pasukan Angkatan Tentera, baik dari segi gaji, dari segi scholarship dan asrama bagi anak-anaknya patutlah diperkukuhkan dan diatur dari masa sekarang dan juga dari segi perumahan.

Tetapi, kalau kita pandang dari segi projek perumahan, saya rasa dukacita sedikit kalau dibandingkan dengan tahun 1975 yang mempunyai peruntukan sebanyak \$75 juta tetapi pada tahun 1976 cuma \$53 juta sahaja. Maknanya sekim perumahan kita makin dikurangkan hampir \$18 hingga \$20 juta. Adakah ini bermakna Pasukan Tentera telah berpuas hati dengan mempunyai rumah? Saya rasa belum. Kita melihat bahawa ramai Angkatan Tentera kita yang menderita dalam hendak mendapatkan sebuah rumah yang kecil, yang bersih, yang lengkap dengan air dan apinya sebagai seorang perajurit, kebanyakannya tidak ada.

Saya telah bercakap di Dewan ini dan pernah kita melihat bahawa Pasukan Angkatan Tentera kita yang menyabung nyawa di sempadan, yang negara meminta pengorbanannya duduk di belakang rumah orang menyewa dengan tidak tentu air dan apinya, anaknya hendak membaca pun tidak dapat oleh sebab tidak cukup layanan-layanan dan kemudahan. Adakah layanan yang semacam ini negara beri kepada perajurit kita untuk berjuang di medan perjuangan kita di sempadan dan menjaga keamanan kita?

Saya berharap pihak Kementerian Pertahanan mestilah berikhtiar seberapa daya yang boleh bahawa sekurang-kurangnya dapat menambahkan rumah-rumah kayu. Kita tidak hendakkan rumah-rumah batu yang bertingkat-tingkat, bukan rumah yang mewah—tidak, tetapi rumah yang sepadan dengan mereka supaya apabila mereka meninggalkan anak isterinya di rumah terasa lapang walaupun mereka berjuang di sempadan tetapi dapat membayangkan bahawa anaknya di rumah boleh belajar, boleh melihat talivisyen dan boleh mendapat kenikmatan seperti orang-orang lain juga. Kestabilan tidak boleh wujud oleh Anggota Tentera yang tidak puas hati dan yang tidak dapat layanan-layanan yang baik. Inilah punca yang besar. Walaupun layanannya belum sempurna, itulah sebabnya saya katakan tadi, saya memberi pujian kepada Anggota Tentera kita walaupun negara belum memberi layanan yang baik kepada mereka, tetapi mereka menjalankan tanggungjawab dengan penuh setia, tidak pernah berlaku pemberontakan dalam Angkatan Tentera kita, bagaimana setianya mereka walaupun mereka sedar

bahawa anak isterinya di rumah tidak mendapat kemudahan yang baik. Saya bukanlah hendak meminta perbelanjaan yang mewah sehingga kita meninggalkan pembangunan, kerana kalau kita lihat peratus peruntukan ini tidak sampai 10% negara kita memberi kepada pasukan pertahanan kita. Peruntukan pembangunan diberi sebanyak \$125 juta daripada \$1,900 juta—tidak sampai 6%, maknanya negara belum memberi cukup kepada Pasukan Keselamatan kita perkara-perkara yang agak mewah sedikit atau menyenangkan hati mereka sedikit selain daripada kita membeli senjata, membeli kapal terbang, membeli kapal perang dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya menegaskan sekali lagi supaya pihak Kementerian Pertahanan selain daripada membeli senjata-senjata moden dan melengkapkan askar-askar kita dengan kapal terbang dan lain-lain patut membuat satu pemikiran melantik sebuah jawatankuasa bagaimana kita boleh memberi kepuasan kepada pihak askar kita samada dari segi gaji dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sudah bercakap hampir 14 minit. Saya benarkan satu minit sahaja lagi.

Tuan Haji Embong bin Yahya: Sedikit sahaja lagi, Tuan Pengerusi. Saya rasa dalam 5—6 minit sahaja.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara saya juga hendak menyebutkan bahawa perbelanjaan yang banyak ini tentulah tidak semuanya berlaku kejujuran sebab kita adalah manusia biasa. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lepas tadi ada terdapat keadaan-keadaan perbelanjaan yang tidak begitu terkawal dalam Kementerian Pertahanan. Perkara ini kita tidak dapat hendak membuat tuduhan, tetapi saya hanya membuat rayuan supaya pihak yang berkuasa dalam Kementerian Pertahanan ini mengawal dengan seberapa bolehnya perbelanjaan-perbelanjaan ini. Kita tidak hendak melihat juga bahawa kepercayaan rakyat kepada mereka ini menggunakan wang ini dengan sewenang-wenangnya dengan tidak dikawal, kita tidak mahu perkara semacam itu berlaku. Kita mahu perbelanjaan terkawal sebab ini wang rakyat, tolonglah menjaga dengan cermat

samada dari segi pembelian senjata, pembelian peluru, pembelian uniform, pembelian truck, lori kerana ini memakan belanja bermillion ringgit supaya dapat dikawal dari semasa ke semasa dan tidak berlaku penyelewengan dalam perbelanjaan ini. Ini bukan satu tuduhan, tetapi permintaan supaya rakyat yang memberi perbelanjaan ini tidak sia-sia.

Tuan Pengerusi, bagi hendak menegaskan sebuah angkatan bersenjata yang kuat mestilah tiap-tiap seorang tentera kita, pahlawan kita, perajurit kita mempunyai disiplin yang baik. Disiplin ini bukan sahaja bergantung kepada riadah, senjata dan sebagainya tetapi moral atau rohaniah. Kita sebagai sebuah negara Islam dan kebanyakan perajurit kita terdiri daripada orang-orang Islam, patutlah Kementerian ini memperhebatkan lagi dari segi didikan keagamaan. Hanya dengan cara ini sahaja rasa taat setia kepada negara, rasa pengorbanan kepada negara akan lebih tertanam dalam hati perajurit kita kerana mereka ini berjuang bukan dengan sebab dikontrol, dikawal dan dipaksa tetapi datang daripada jiwa sendiri pada masa akan datang. Dengan kerana itu akan tidak ada berlaku sebarang penyelewengan dan dengan cara ini juga barangkali kita boleh mengawal perajurit kita daripada ancaman dadah. Kita tahu dadah ini tidak memilih peringkat manusia, baik murid-murid sekolah, belia, polis dan tentera.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sudah bercakap satu minit melebihi masa yang saya hadkan. Jadi tolonglah golongkan perbahasan itu.

Tuan Haji Embong bin Yahya: Saya hendak tutup ucapan saya ini. Saya minta supaya pihak Kementerian Pertahanan ini juga mengadakan kawalan yang lebih ketat kepada Angkatan Bersenjata kita supaya tidak terkena bahang-bahang dadah yang sedang merebak pada masa sekarang ini. Kita tidak mahu melihat seperti tentera-tentera asing di Vietnam, dengan kerana dadah mereka akan mencampakkan senjatanya dan lumpuh peribadi. Kita berharap bahawa pihak tentera kita akan terkena ancaman-ancaman yang seperti ini dengan mengadakan kawalan-kawalan yang ketat, baik dari segi jasmani dan rohani.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dapati ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat suka hendak mengambil bahagian dalam perbahasan bagi Kementerian Pertahanan ini. Jadi, saya minta tolong pendek-pendekkan ucapan supaya lebih ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat dapat peluang boleh bercakap.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Baram. Saya harap kalau boleh bercakap lebih kurang dalam masa 10 minit eloklah.

5.08 ptg.

Tuan Luhut Wan (Baram): Tuan Pengerusi, saya tidak akan memanjangkan ucapan saya oleh kerana ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberi pandangan mereka terhadap Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Pertahanan ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit mengenai perbelanjaan yang disediakan bagi peruntukan tahun hadapan berhubung dengan masaalah pertahanan negara. Kita tentu sedar oleh kerana pertahanan negara bukan hanya semata-mata menjadi satu bebanan di atas bahu perajurit ataupun tentera kita yang bertugas untuk mempertahankan keselamatan negara bahkan pada pendapat saya tanggungjawab ini adalah di atas bahu tiap-tiap rakyat yang benar-benar jujur dan setia kepada tanahair kita Malaysia, baik pemimpin-pemimpin dari pihak Kerajaan, demikian pula pemimpin-pemimpin dari pihak Pembangkang, bukan hanya pemimpin-pemimpin sahaja bahkan orang-orang kampung dan murid-murid yang sedang menuntut di bangku sekolah pun ada tanggungjawab di atas keselamatan negara. Oleh kerana kami pada masa ini bukannya menghadapi kezaman yang sengit daripada seteru-seteru dari luar negeri bahkan kami hanya ditempurkan oleh satu golongan yang sedia ada di dalam negara kita Malaysia pada masa ini. Tuan Pengerusi, dalam pandangan saya walaupun pemimpin-pemimpin negara khasnya politikus-politikus tidak mempunyai ideology parti yang sama, akan tetapi bila masa datangnya kepada mempertahankan negara haruslah kami berganding bahu supaya keamanan, kesentosaan dan damai itu senantiasa wujud di negara kami Malaysia. Tidak pilih daripada mana satu political party ataupun apa sahaja ideology parti, tetapi bila masanya sampai kepada

pertahanan haruslah kami sentiasa berwaspada dan bekerjasama untuk mempertahankan kedaulatan dan kemakmuran negara kita.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya anggap penting untuk perhatian pemimpin-pemimpin, perajurit dan Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab di atas pertahanan negara iaitu oleh kerana keadaan di negara kita ini tidak sama dengan keadaan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung tidak sama. Perkara yang saya anggap penting haruslah pihak tentera-tentera baik tentera udara, mahupun tentera laut, begitu juga tentera darat sentiasa bekerjasama dan mempunyai hubungan yang lebih erat dan relationship yang begitu baik kepada semua rakyat di negara kita Malaysia. Oleh kerana ini, satu peranan yang lebih penting supaya kita dapat mengambil hati rakyat yang ada di negara kita ini supaya mereka sentiasa bekerjasama dalam menjalankan tugas-tugas untuk kemakmuran dan keselamatan negara kita. Kerana pada masa lampau bila masa kami menghadapi tekanan-tekanan masa konfrantasi dulu, sudah jelas sekali kepada penduduk-penduduk di sempadan satu pertunjukkan yang baik sudah diberi dari pihak British Army iaitu mereka sentiasa mempunyai hubungan yang begitu erat dengan ketua-ketua masyarakat dan juga dengan semua rakyat di mana tempat mereka bertugas. Pada masa itu juga saya ingat kami sudah mengalahkan beberapa musuh yang cuba hendak menggunakan rakyat negara sendiri untuk menewaskan mereka.

Yang kedua, saya anggap penting juga iaitu mengenai mutu perajurit ataupun tentera kita yang ada pada hari ini, kerana pada pendapat saya bukan kita gunakan quantity tetapi kami gunakan quality. Quality yang saya katakan itu yang benar-benar jujur dan setia kepada negara. Saya ingat pada masa satu peperangan di Europe dahulu walaupun ini hanya satu history yang saya lihat, tetapi ini perkara yang benar. Bilamana Raja Negeri China menyerang beberapa negara di Europe pada masa itu sehingga sampai pada satu tempat yang sangat kecil dan mempunyai satu bilangan tentera yang begitu kecil, akan tetapi pada masa itu saya ingat pemimpin negara itu, Abu Tabir, Abu Tabir sudah mendapat rayuan daripada utusan satu negara yang besar yang akan menyerang negaranya yang mengatakan, "Semua negara

lain yang dikelilingi oleh negara mu sekarang sudah dirampas oleh kami. Bagaimanakah pendapat mu, adakah engkau sedia akan menyerah diri supaya engkau dapat diselamatkan?" Akan tetapi sebaliknya apa kata Abu Tabir, "Lihatlah dengan mata mu sendiri," katanya kepada utusan itu. Dia menjemput seorang perajuritnya mengatakan, "Terjunlah engkau ke dalam lembah dengan tinggi itu." Perajurit itu membuang diri—mati. Dan katanya kepada seorang lagi, "Mari sini!" iapun datang, "Bunuh dirimu, kamu sekarang menghadapi tekanan." Iapun membunuh dirinya. Bermakna dia jujur, setia kepada raja di negaranya. Katanya, "Saya tidak menyerah diri, lihatlah dengan mata kepala mu sendiri apa yang terjadi. Saya memberi amaran," kata Abu Tabir kepada Raja China pada masa itu, "bahawa Raja mu akan aku ikat dengan anjingku dalam masa 12 jam bilamana kami menghadapi pertempuran di medan peperangan nanti," katanya. Benar juga, Tuan Pengerusi, oleh kerana kejujuran dan kesetiaan perajurit-perajurit Abu Tabir dia sudah dapat menawan Raja China serta mengikatkan kepada anjingnya. Tuan Pengerusi, jadi ini satu contoh

Tuan Pengerusi: Jadi apa moralnya cerita ini? Saya seronok mendengar cerita-cerita lama ini, jadi saya bertanya apakah moralnya daripada cerita ini yang boleh disandarkan kepada tentera-tentera kita?

Tuan Luhut Wan: Tuan Pengerusi, saya kata ini satu peransang kepada pemimpin-pemimpin perajurit supaya dia sentiasa memberi latihan yang lengkap kepada pengekor-pengekornya, satu kali ditembak mesti kena, bukan hanya letupan—tup, tup, tup—habis peluru nanti tidak berdaya lagi, itu tidak guna. Seperti yang saya katakan tadi kami tidak gunakan quantity tetapi kami gunakan quality oleh kerana Sabah jauh, Sarawak jauh dan sempadannya pun ada lautan dan juga ada Singapura di tengah-tengah. Jikalau kami tidak bersikap demikian tentu sekali bila masa kami menghadapi pertempuran di medan peperangan pada satu masa nanti kami takut kami akan kelamkabut, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, sebagaimana hujjah-hujjah yang dinyatakan oleh beberapa orang ahli tadi mengatakan bahawa anggaran ini kecil tetapi dalam pandangan saya anggaran ini

adalah baik. Oleh kerana sebelum Kementerian Pertahanan menyemak anggaran ini tentu sekali dia sudah memberi notis kepada pemimpin-pemimpin perajurit berapa jumlah wang ringgit yang dikehendaki untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Tentu sekali perkara itu sudah diselesaikan daripada pihak Kementerian dan juga pihak pemimpin-pemimpin perajurit tanahair.

Yang penghabisannya, Tuan Pengerusi, iaitu saya menarik perhatian pemimpin-pemimpin perajurit kita yang ada pada masa ini dan juga Kementerian yang bertanggungjawab supaya satu perhatian dapat diambil mengenai keadaan yang begitu rumit di Sarawak, saya anggap oleh kerana negeri Sarawak besar, dan hutan-hutan rimba yang sukar untuk dipatrol oleh para perajurit saya anggap sangat mustahak helikopter digunakan di negeri Sarawak untuk menjalankan tugas-tugas. Ini ada satu bukti yang nyata juga dalam operation ataupun operasi yang dijalankan di Sarawak itu nampaknya helikopter itu adalah satu transport yang baik untuk emergency movement di negeri Sarawak.

5.20 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga menyokong Perbelanjaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya juga berpendapat sepatutnya peruntukan Kementerian yang berkenaan ditambah bukanlah sekadar ini dan saya dapati di sini berkurangan daripada tahun lepas, sedangkan pertahanan sama-sama kita tahu adalah satu perkara yang perlu, kerana pertahanan menjamin keselamatan. Tuan Pengerusi, izinkan saya menyebutkan satu cogan kata yang dilaungkan oleh parti Kerajaan kita di masa-masa yang lepas dalam simbolnya parti Perikatan adalah membawa kepada keselamatan dan kemakmuran. Jadi, kita percaya keselamatan adalah satu faktor untuk menuju keselamatan hidup. Jadi bagaimana kita ada wang sekalipun kalau keselamatan tidak terjamin, maka segala-galanya tidak akan berjaya. Maka dengan sebab itu, saya juga turut merayu kepada Kerajaan di masa-masa yang akan datang ataupun jika perlu perbelanjaan ini patutlah ditambah walaupun dalam pertengahan tahun.

Tuan Pengerusi, bercakap berkenaan dengan tambahan askar, sebagaimana kita sama-sama tahu Negeri Perlis adalah sebuah negeri yang menjadi sempadan dengan Negeri lain iaitu bersempadan dengan Negeri Thai. Saya masih ingat lagi di masa saya kecil, kemasukan Jepun adalah melalui Negeri Perlis, kerana Negeri Perlis ialah sempadan dengan Negeri Thai. Jadi tidak boleh dinafikan sempadan adalah satu pintu masuk kepada musuh atau kawan. Kita bahaskan di sini berkenaan dengan pertahanan ialah untuk menentang musuh baik dalam negeri mahu pun di luar negeri. Maka dengan sebab itu, saya berharap sangatlah kepada Kementerian Pertahanan sepatutnyalah satu batalion yang lengkap diadakan di Negeri Perlis kerana sebagai mana saya katakan tadi Negeri Perlis adalah negeri yang bersempadan walaupun negerinya kecil.

Tuan Pengerusi, kita telah lama merdeka, kita selalu beli senjata-senjata daripada luar negeri. Kita sama-sama tahu kita tidak suka mencari lawan, kita suka mencari kawan. Apa boleh buat itu telah menjadi adat dunia, kadang-kadang kawan biasanya menjadi lawan, sebab itu negeri-negeri yang kita tahu, biasanya negara-negara yang saya tidak payah sebutkan di sini, kita berkonfrantasi hari ini kita berbaik, dahulu kita bermusuhan hari ini kita berbaik-baik. Keadaan ini kita tidak dapat menentukan, melainkan Tuhan yang menentukan keadaan alam dan keadaan manusia. Kalau kita semata-mata berharap kepada negeri lain membeli senjata dan sebagainya mana mahu, Tuan Pengerusi, sebagaimana saya katakan tadi tempat yang kita selalu membeli senjata satu hari menjadi musuh kita. Maka dengan sebab itu, baik tak baik belanja banyak tak banyak sekalipun perkara yang macam ini patut kita adakan di tempat kita sendiri iaitu kilang senjata kita patut mengadakannya di negara kita sendiri iaitu di Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya selalu dengar berita mengatakan askar-askar yang selalu membuat operation ke dalam hutan selalu membawa bekalan-bekalan, baik bekalan minyak dan bekalan-bekalan makanan selalu diketahui oleh orang awam. Jadi, bila diketahui dapat ditekakan oleh pihak-pihak yang berkenaan boleh jadi di tempat-tempat yang kita mengambil bekalan seperti bekalan makanan ataupun bekalan minyak petrol dan

sebagainya ada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab memerhati dikala kereta-kereta yang digunakan oleh askar ataupun van yang digunakan oleh askar dapat diketahui banyak manakah atau berapa gelenkah yang dibubuh di dalam kenderaan yang tersebut. Maka mereka dapat meneka berapa jauhkah rondaan ataupun tempat yang akan dibuat oleh pihak keselamatan, maka ini juga dapat diteka oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Maka dengan sebab itu, saya berharap kalau askar-askar membuat satu-satu operation, dikala mengambil minyak dan makanan yang saya nyatakan tadi patutlah dirahsiakan, melainkan kepada orang-orang yang tertentu.

Tuan Pengerusi, kita sama-sama tahu Askar Melayu selalu mendapat kepujian dan kita berasa sedih kalau ada orang yang tidak memuji atau mengucapkan tahniah kepada Askar-askar Melayu, kerana kita sama-sama tahu kita yang hidup aman dan damai hari ini adalah dijaga oleh askar-askar kita sentiasa dalam hutan dan sebagainya meninggalkan anak isteri dan sebagainya kadang-kadang terkurban. Tuan Pengerusi, izinkanlah saya menyatakan terus-terang sebagai merayu iaitu askar yang disebut oleh setengah orang askar ini memang baik mempertahankan negara, tetapi satu perkara yang diwarisi di zaman penjajah dahulu patut kita tinggalkan, iaitu dalam mess askar kalau tidak salah saya ada minuman keras. Kadang-kadang ada kawan-kawan yang berkawan dengan askar berkata kalau hendak minum-minuman keras murah berkawanlah dengan askar boleh kita minum di tempat yang berkenaan. Kita tahu, Tuan Pengerusi, banyak daripada pegawai-pegawai yang imannya kuat dan kuat berdisiplin tidak suka minum semacam itu, melainkan segelintir daripada mereka yang suka minum. Jadi, disebabkan nila setitik rosak susu sebelanga. Walaupun mereka hendak minum, Tuan Pengerusi, jangan di tempat istimewa macam sekarang biarlah tempat yang lain.

Tuan Pengerusi, berkenaan menggunakan senjata saya berharap biarlah kesemua daripada orang-orang kita, baik orang awam asalkan rakyat yang taat setia patut tahu menggunakan senjata. Oleh sebab itu, saya berpendapat patut Askar Wataniah yang masih ada pada hari ini dibesarkan lagi asalkan sahaja rakyat Malaysia yang berkemampuan ingin menyertai tentera yang saya

sebutkan tadi. Kementerian Pertahanan hendaklah membenarkan tiap-tiap ahli yang saya katakan tadi supaya bila orang yang bertanggungjawab ataupun taat setia kepada negara ini boleh dapat mempelajari ataupun mengetahui selok-belok menggunakan senjata kalau ada satu-satu kecemasan dapat semua rakyat Malaysia bertanggungjawab. Kalau musuh yang ketat dapat dikawal oleh pihak askar-askar yang biasa. Kalau berlaku di tempat-tempat yang sedikit bolehlah ditolong oleh mereka yang taat setia asalkan mereka sama-sama mengetahui menggunakan senjata mempertahankan diri turut mempertahankan negara.

5.28 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun bersama menyokong dan membahaskan Perbelanjaan Kementerian Pertahanan walaupun saya dapati pada tahun 1976 kekurangan lebih daripada \$119 juta tetapi untuk hendak menjimatkan perbelanjaan negara kita, kita sama-samalah memahami perkara ini.

Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, saya dapati banyak rungutan-rungutan bukan sahaja di dalam Dewan ini bahkan juga orang ramai termasuk di kalangan askar-askar sendiri yang ada mengatakan berbelanja boros berlaku di dalam Kementerian Pertahanan dan perkara-perkara yang membazir di dalam Kementerian Pertahanan.

Dalam perkara ini saya minta kepada Menteri yang berkenaan mengawasi ataupun mengemukakan satu sistem supaya perbelanjaan dalam Kementerian Pertahanan ini boleh direka dan dijangka untuk jangka panjang dan akan mendatangkan faedah bukan sahaja kepada Kementerian Pertahanan bahkan kepada Kementerian-kementerian dan badan-badan Kerajaan yang lain. Misalnya, satu daripada cara saya rasa untuk hendak mengurangkan perbelanjaan dan menjimatkan ialah masalah ataupun perkara pembelian alat-alat yang digunakan oleh Kementerian Pertahanan, sepatutnya alat-alat ataupun jenis-jenis alat ini boleh juga ataupun digunakan juga oleh badan-badan Kerajaan yang lain. Misalnya, dalam perkara pembelian alat-alat yang besar-besar seperti kapal terbang. Kita tahu kapal terbang itu cuma badannya yang berlainan, tetapi yang mustahak ialah jenis enjin. Apa salahnya, misalnya, Kementerian Pertahanan

bekerjasama dengan Civil Aviation Department di Kementerian Perhubungan. Pada hari ini, sebagai contoh Syarikat Penerbangan Malaysia membeli jenis kapalterbang DC 10. Elok Kementerian Pertahanan mengkaji apakah jenis enjin yang digunakan oleh DC 10 itu. Adakah jenis enjin itu juga boleh digunakan dalam enjin-enjin untuk kapal-kapal navy kita. Tujuannya saya bercakap demikian ialah masaalah maintenance dan pembelian spare-parts dan sebagainya supaya bukan sahaja kita dapat memberi latihan kepada warganegara bahkan untuk menyenangkan sekiranya berlaku sebarang overhaul ataupun kerosakan yang hendak dibaiki.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Saya juga mencadangkan banyak lagi badan-badan yang lain seperti enjin-enjin yang diguna oleh Lembaga Letrik Negara (N.E.B.) adakah enjin atau jenis-jenis enjin ini dapat dipergunakan kelengkapan besar-besar yang digunakan oleh Kementerian Pertahanan ataupun yang digunakan oleh Petronas untuk mencari-gali minyak. Ini semualah satu cara yang saya nampak yang boleh mengurangkan ataupun menjimatkan perbelanjaan dalam masaalah maintenance dan juga yang akan menentukan supaya dapat kita dalam negara ini melalui pakatan penggunaan barang-barang yang sama daripada beberapa badan Kerajaan supaya dapat kita membina sebuah pusat latihan untuk warganegara kita.

Itu sebagai satu contoh yang dapat satu daripadanya cara yang boleh mengurangkan perbelanjaan.

Satu lagi pula saya perhatikan ialah masaalah perumahan askar. Ini bukan sahaja dapat mengurangkan perbelanjaan tetapi memberi galakan kepada askar. Pada hari ini apa yang saya difaham walaupun Kementerian Pertahanan ada membuat perhubungan dengan badan-badan seperti Perbadan-perbadanan Kemajuan Negeri dan Dewan Bandaraya di dalam Wilayah Persekutuan ini mendapatkan rumah-rumah pangsa untuk askar-askar tinggal. Itu memanglah baik. tetapi saya dapati banyak di antara tentera-tentera tidak suka tinggal di dalam rumah pangsa, bukan mereka tidak suka, tetapi kerana kecil hati, kerana mereka bersama ada diskriminasi atau perbezaan yang berlaku. Mengikut kata mereka kalau orang

biasa duduk di rumah pangsa itu ada harapan mereka untuk memiliki rumah pangsa tersebut, tetapi kalau askar atau tentera duduk dalam rumah pangsa mereka akan menyewa terus-menerus sampai ke tua. Apa salahnya kalau duit sewa yang dibayar oleh Kementerian Pertahanan dijadikan pembayaran muka kepada tuan-tuan punya flats dan sebagainya. Inilah saya nampak satu daripada sebabnya saya dapati pada hari ini kerana masaalah perumahan ini juga ramai daripada askar kita yang berkelamin mendirikan rumah-rumah setinggan.

Ini amatlah bahaya, Tuan Pengerusi, kerana boleh menimbulkan masaalah sosial. Saya sendiri berpengalaman dalam perkara ini, terutama sekali dalam kawasan saya di mana Kementerian Pertahanan terletak dalam kawasan saya dan beberapa pusat tentera dalam kawasan Setapak. Rungutan ini berbangkit, kadang-kadang itu apabila seorang pergi melawat kawasan-kawasan setinggan di dapati keadaan keluarga mereka terbiar dan apabila ditanya di mana bahaya; jawabnya bapanya telah masuk dalam hutan. Ini memberi satu gambaran yang buruk kepada orang ramai yang ada disekelilingnya itu. Seolah-olah pihak Kerajaan kita tidak ambil berat masaalah welfare askar-askar ini. Dibiarkan duduk di kawasan setinggan. Perkara ini kalau berlarutan akan menimbulkan masaalah sentimen kepada orang ramai dan menjadi satu cakap-cakap biasa sehingga orang takut masuk menjadi askar, ataupun mereka memikirkan yang askar-askar kita ini di anak-tirikan oleh pihak Kerajaan. Maka saya berharaplah di Kementerian Pertahanan dalam masaalah menjaga welfare perkhidmatan asas untuk faedah askar-askar ini diperkuatkan, sebab kadang-kadang itu saya dengar juga rungutan seksyen-seksyen ataupun bahagian-bahagian ini semuanya ada, tetapi sejauh mana pula perlaksanaannya.

Sebagai satu contoh lagi mengenai masaalah-masaalah welfare ialah baru-baru ini saya pergi melawat ke hospital Kinrara—yang tidak jauh daripada sini. Saya melawat beberapa orang pegawai-pegawai askar yang kakinya telah kudong kerana letupan booby-trap. Keadaan di hospital Kinrara itu malu, Tuan Pengerusi. Kenapa di zaman British dahulu, hospital Kinrara itu lebih baik daripada hospital yang lain? Maka pada

hari ini apabila ditadbirkan oleh Kementerian Pertahanan keadaanya buruk dan sedih. Tidak dipedulikan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Tempat-tempat yang seperti ini dilawati oleh orang-orang kampung? Dilawati oleh saudara-mara mereka? Inilah rungutan-rungutan yang mereka bawa balik ke kampung-kampung. Oleh kerana sedikit sahaja kesilapan, perkara kekotoran, layanan akan menimbulkan perasaan salah sangka orang ramai terhadap layanan Kerajaan, walhal Kerajaan kita membelanjakan berpuluh-puluh malah beratus-ratus juta ringgit untuk faedah askar itu. Ini akan hilang kerana perkara-perkara yang kecil-kecil ini kalau tidak diambil berat.

Tuan Pengerusi, saya juga mendapat tahu iaitu masalah menghantar pegawai-pegawai askar sebagai Military Attache. Saya mendapat tahu kononnya apabila kita menghantar ke sana sebagai upahan sebelum seseorang pegawai itu bersara. Samada betul atau tidak, saya berharaplah Timbalan Menteri berkenaan akan memberi jawapan kerana ini menjadi cakap-cakap orang ramai. Pada pandangan orang ramai

Tuan Pengerusi: Di bawah Pecahan-kepala berapa Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Ini di bawah Perkhidmatan Tentera. Jadi pada pandangan orang ramai sepatutnya Military Attache atau wakil tentera yang kita hantar keluar negeri patutlah mewakili kita dalam bidang ketenteraan ini sepatutnya dapat menimbulkan satu imej Malaysia. Kalau kita hantar orang sudah hendak bersara setahun atau dua tahun lagi apakah impression atau cara-cara mereka akan mentadbirkan di sana. Saya harap dan minta dalam perkara ini pihak yang berkenaan mengambil berat supaya imej tentera kita pada hari ini naik semula dan dihormati oleh orang ramai.

5.40 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, saya turut menyokong peruntukan untuk Kementerian Pertahanan, Kepala B. 22, Pecahan-kepala 2700, dan disamping itu ingin saya hendak menyatakan beberapa fikiran saya sebagai sumber untuk hendak melihat keadaan pertahanan

negara menjadi kemas dan kuat dan dapat menjamin keselamatan rakyat jelata daripada sebarang ancaman serangan musuh dalam dan luar dengan adanya peruntukan kewangan yang bertambah daripada tahun-tahun yang lalu. Walaupun angkatan bersenjata kita hari ini masih kecil kalau dibandingkan dengan negara-negara gergasi di sekeliling kita yang punya bilangan angkatan tentera yang terlibat ganda besarnya, tetapi kita merasa megah kerana kemampuan, keras semangat, kuat kemahuan dan titisan keperwiraan pusaka bangsa berada dalam jiwa angkatan tentera kita maka sehingga detik ini rakyat seluruhnya memberi kepercayaan kepada perlindungan yang mereka sentiasa dapati dan dapat pula mereka menjalani kehidupan masing-masing dengan tidak ada perasaan gelisah, cuak, takut dan sebagainya. Rakyat ingin melihat angkatan bersenjata kita mempunyai kecekapan dan disiplin yang tinggi.

Di dalam Malaysia ini sungguh boleh bermegah kerana ahli-ahli Pasukan Bersenjata kita adalah di antaranya yang tinggi mutu dalam disiplin dan kecekapan di dunia sebelah timur ini, dan kerana menghargai di atas baiknya ke pimpinan dan kebolehan itulah seluruh rakyat tertanya-tanya apakah kelengkapan senjata dan lain-lain untuk perwira-perwira kita itu bermutu tinggi sebagaimana juga semangat tinggi yang ada dalam jiwa perwira kita itu. Rakyat melihat dengan mata sendiri iaitu askar-askar kita yang berjuang melawan komunis kadang-kala menggunakan senjata-senjata lama, mungkin ada senjata-senjata yang jenis baru telah dibeli tetapi tidak banyak, dan tidak dapat diberi kepada askar-askar kita untuk kegunaan dalam pertempuran yang berlaku sekarang di dalam negeri kita ini.

Peruntukan untuk Kementerian Pertahanan ini ditambah dan menjadi salah satu Kementerian yang paling banyak mendapat peruntukan. Mengapa dan apakah sebabnya pihak-pihak yang bertanggungjawab tidak dapat mencari suatu jalan untuk membeli atau mendapatkan senjata-senjata yang terbaik yang paling baru dan paling sesuai dengan cara-cara perjuangan di hutan belantara, umpamanya, kereta kebal yang ada di tangan kita pada hari ini telah menjadi alat ketinggalan

zaman jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Apakah Parlimen ini memberikan peruntukan wang yang sekian banyak untuk membeli barang-barang kelengkapan kelas dua atau kelas tiga, atau hanya hendak mencari barang-barang murah? Saya tanya ini, hari ini banyak negara-negara dalam dunia yang bersedia hendak menjual senjata-senjata keluaran yang sehabis baru kepada siapa sahaja yang ada mempunyai wang untuk membeli. Kita tidak payah lagi membeli secara melalui perantaraan Kerajaan dengan Kerajaan sebagaimana di zaman yang lampau. Tetapi kita boleh membeli menerusi agen-agen yang dapat mencari senjata yang terbaik kepada kita. Banyak agen-agen terdapat dalam dunia ini. Apa yang dikehendaki oleh negara kita ialah kejujuran rombongan pegawai-pegawai yang dihantar keluar untuk membeli senjata-senjata itu benar-benar berminat hendak melihat bahawa negara kita kelak mempunyai senjata-senjata yang baik dan sophisticated. Kepada rombongan pegawai-pegawai yang keluar mencari senjata itulah diharap dan diamanahkan oleh rakyat untuk mencari sesuatu yang baik kepada askar-askar kita.

Satu perkara lagi yang menjadi tandanya rakyat hari ini ialah tentang terdapat pakaian-pakaian askar dan juga alat-alat kelengkapan, kecuali senjata dijual secara terbuka di dalam Kuala Lumpur umpamanya ataupun di lelong di pasar-pasar. Tidakkah perkara ini terlintas kepada pihak Kementerian bahawa pakaian-pakaian ataupun alat-alat kegunaan askar-askar ini dapat dibeli dan dibawa ke hutan, atau bagaimana pakaian ini dibenarkan dijual di kaki-kaki lima di kedai-kedai. Saya berharap pihak Kementerian akan bersungguh-sungguh memperhatikan hal ini supaya jangan wang peruntukan yang dibekalkan di dalam Dewan ini hanya untuk membeli pakaian-pakaian askar, tetapi pakaian-pakaian itu juga tidak sampai kepada ahli-ahli pasukan keselamatan kita ataupun pasukan bersenjata kita, bahkan menjadi bekalan pula kepada musuh. Ini yang kita takutkan kerana kedudukan tempat saya, kawasan saya Baling adalah menjadi sebagai kawasan front line di dalam peperangan dengan komunis. Saya sering kali mendapat tahu bahawa sebarang gerak langkah askar-askar kita adalah di dalam pengetahuan musuh. Mereka dapat tahu di

mana askar-askar kita berada dan di tempat mana yang kita hendak menyerang. Kalau askar-askar kita selalu dapat ketewasan di dalam serang hendap yang dilakukan dengan secara yang bersungguh-sungguh ataupun well-prepared oleh pihak musuh. Apakah kedapatan kebocoran rahsia-rahsia ini dilakukan oleh sayap-sayap kelima di dalam angkatan tentera kita? Saya berasa gembira dan kagum mendengar bahawa pihak Perisik kita juga dapat menembusi sehingga ke dalam ibu pejabat musuh di tengah hutan belantara sebagaimana yang saya dengar di dalam taklimat dan dapat juga membawa kembali maklumat-maklumat yang berguna kepada kita. Tetapi tidakkah pula terlintas di dalam ingatan pihak Kementerian bahawa musuh juga mempunyai kecekapan yang paling tinggi lagi iaitu dapat mengetahui ataupun mengesan segala gerak langkah angkatan pasukan bersenjata kita. Langkah-langkah patut dibuat untuk menghindarkan keadaan yang berlaku ini kerana kita tidak ingin sekali-kali melihat ahli-ahli pasukan bersenjata kita, perwira-perwira kita yang bersemangat tinggi itu disembelih hidup-hidup kerana kecuaiannya Perisik kita.

Saya harus memberi tahniah dan hormat lagi sekali kepada pihak askar-askar kita ataupun ahli pasukan bersenjata kita yang telah bersama-sama dengan rakyat di luar bandar dalam tugas pembangunan, jasa dan tenaga mereka tidak akan dilupai oleh rakyat, mereka telah bersungguh-sungguh menunai dan menyahut permohonan rakyat yang berkhendakkan pertolongan membuat jalan, jambatan, rumah-rumah ibadat dan lain-lain lagi. Perhubungan muhibbah secara yang demikian kalau diteruskan tentu sekali akan menjalani perhubungan yang kukuh bukan sahaja di antara rakyat dengan pasukan bersenjata tetapi yang lebih besarnya ialah kepercayaan yang kukuh di antara rakyat dengan Kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada sedikit waktu lagi, jadi saya cuba hendak memendekkan lagi ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu saya hadkan sampai setakat 10 minit sahaja.

5.46 ptg.

Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (Silam): Tuan Pengerusi, saya juga

turut mengalu-alukan peruntukan yang dikemukakan untuk Kementerian Pertahanan. Dengan peruntukan yang diminta ini maka saya berharap dapat menentang penceroboh-penceroboh yang datang hendak mengganggu ketenteraman hidup kita yang aman damai pada masa sekarang.

Terlebih dahulu saya suka menyentuh Pecahan-kepala 1100—Pentadbiran Pertahanan. Apa yang saya suka meminta kepada Kerajaan Persekutuan, pada masa akan datang ini hendaklah mengambil recruit untuk perkhidmatan tentera ini, baik tentera laut, darat dan udara, hendaklah memikirkan juga orang-orang dari sebelah negeri Sabah. Pada masa sekarang ini saya tengok kurang sangat diambil perhatian

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat tidak mahu tengok saya langsungkah? Tengok di sini pada masa bercakap.

Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah: Minta maaf. Dalam perkara ini, kerana saya dapati memang banyak kurang sekali rakyat Malaysia dari Sabah berkhidmat dalam angkatan tentera kita. Janganlah kita memikirkan orang-orang Malaysia dari Sabah tidak inginkan perkhidmatan tentera ini, cuma mereka tidak diberi peluang. Kalau diberi peluang bagi mereka menunjukkan taat setia mereka kepada negara, mereka sanggup berkorban seperti juga tentera-tentera yang ada sekarang ini. Kita tidak hendak orang-orang berfikir bahawa rakyat Sabah yang setia tidak inginkan perkhidmatan ini. Pengambilan recruit ini hendaklah menyeluruh bukan sekelompok-sekelompok, bukanlah berkedaerahan atau berkenegerian. Soal mempertahankan negara dan keamanan negara tidak boleh dibiarkan diambil dari satu-satu negeri sahaja—kita sama-sama bertanggungjawab mempertahankan maruah negara kita.

Satu lagi perkara Pecahan-kepala 3200—Kemudahan. Tuan Pengerusi, apa yang saya dapati di Semporna, Sabah kem tentera di sana adalah terletak di tanah orang awam dengan dibayar sewa. Ada juga didapati berlaku sewa tanah ini terlambat dibayar dan ini mengakibatkan kemarahan kepada tuan tanah. Kita tidak mahu orang mengatakan bahawa pentadbiran tentera memang kasar, tetapi kita hendaklah menunjukkan bahawa pentadbiran tentera kita juga cekap seperti

pentadbiran awam juga. Saya dapati bekalan-bekalan air dan api di tempat ini juga kurang memuaskan.

Tuan Pengerusi, saya harap satu tempat dapat diikhitiarkan oleh Kerajaan bagi membolehkan angkatan bersenjata kita yang ada pada masa sekarang bertempat di Semporna, Sabah iaitu satu kawasan di mana boleh diadakan bekalan air dan api. Buat kemudahan sekarang tanah yang diduduki adalah tanah sewa dari orang awam, maka sudah tentu kemudahan bekalan air dan api ini susah hendak diadakan. Semporna adalah kawasan yang strateji terbuka dari ancaman-ancaman dari luar.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah berkenaan kapal yang saya dengar khabar, Kerajaan sewa dari pihak swasta untuk berulang-alik dari Malaysia Barat ke Malaysia Timur sangatlah dhaif keadaannya. Kalau bernarlah ini berlaku maka saya berasa sangat-sangat sedih dan pilu rasanya. Dahulu pun semasa bekas Timbalan Menteri Pertahanan dari orang Sabah pun ada menkomen tentang perkara ini dan selepas itu saya pun tahu apakah yang terjadi. Saya harap dapatlah disejukkan hati tentera-tentera kita yang menggunakan kapal yang dhaif ini supaya tiada malapetaka terjadi ke atas dirinya. Saya mohon kepada Allah subhanahu wataalla selamatkanlah nyawa-nyawa mereka sebelum apa-apa terjadi.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kemudahan transit camp di Jalan Ampang. Saya telah diberitahu sendiri oleh orang-orang yang telah menggunakan transit camp ini seperti juga orang-orang pelarian Palestine negeri Arab. Saya harap transit camp ini dibetulkan kemudahan-kemudahannya sebelum apa-apa terjadi.

5.52 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, pada mulanya saya suka menyuarakan perasaan terima kasih kepada bala tentera perajurit kita mahupun di laut, di darat dan di udara yang sentiasa menjaga mempertahankan negara kita dan menjalankan kewajipan mereka dengan sempurna.

Saya suka mengambil kesempatan di dalam perbahasan hari ini supaya mengemukakan syor kepada pemerintah supaya

benar-benar memikirkan samada sudah sampai masanya kita mengadakan satu peraturan Perkhidmatan Negara (National Service) yang mewajibkan setiap warganegara kita yang berumur 20 dan 21 misalnya, berkhidmat dalam tentera kita selama 2 tahun sebagaimana juga dilaksanakan di lain-lain negeri termasuk juga negeri-negeri yang berjiran dengan kita. Kementerian ini dinamakan Kementerian Pertahanan. Tujuan kita ialah untuk mempertahankan tanahair kita. Terang bahawa kita tidak berniat hendak melanggar atau menceroboh di manamana. Untuk pertahanan di zaman sekarang ini sudah nyata bahawa selagi seluruh umat sesebuah negara itu tidak terlibat pertahanan kita bagaimana kuat dan berani tentera kita barangkali tidak dapat kita mempertahankan negara kita secara mendalam, sampai setiap inci, setiap kampung, setiap tempat itu dipertahankan oleh umat negeri itu sendiri.

Saya juga berasa dengan keadaan kurang disiplin yang terdapat di sana sini barangkali dengan adanya perkhidmatan negara (National Service) dapat setiap pemuda kita dilatih yang boleh membentuk setiap pemuda sebagai patriot, sebagai pemuda yang mencintai tanahair, setiap pemuda yang rasa sedar insaf tentang tanggungannya, tentang bangsa dan nusanya. Pemuda dari segala kaum, bangsa dan ugama boleh bersama-sama hidup selama 2 tahun—sama khemah sama tempat dan sama kerja. Jadi, national service atau perkhidmatan negara yang saya anjurkan bukan semata-mata untuk pertahanan sahaja akan tetapi akan mewujudkan satu kebangsaan, satu nasionalisma yang barangkali menjadi satu senjata yang sangat kebal, yang kuat untuk mempertahankan negara kita ini. Saya rasa pada mereka yang hendak pergi ke Universiti khususnya barangkali ada baiknya sebelum seseorang itu dibenarkan masuk menjadi penuntut di dalam sesebuah universiti diwajibkan menerima latihan 2 tahun sebagai national service di dalam perkhidmatan negara baru boleh dibenarkan masuk belajar di universiti. Barangkali Kerajaan akan mengikhtikarkan mengadakan pemimpin-pemimpin dan bakal penganjur-penganjur kita yang cukup berkecanggupan, tanggungjawab dan berdisiplin. Saya rasa juga barangkali elok tujuan-tujuan utama Kementerian Pertahanan ini di tambah. Yang kita dapat disini:

(a) mempertahankan negara daripada serangan dan ancaman dari luar;

- (b) menjaga keselamatan negara daripada serangan dan ancaman dalam negeri;
- (c) membantu pihak polis dan pihak berkuasa awam bagi menjaga ketenteraman dan keamanan dan menentukan bahawa pemerintahan Kerajaan yang sah dalam negeri berjalan dengan sempurna;
- (d) mengadakan keselamatan perhubungan seluruh Malaysia;
- (e) mencegah lanun dan rompakan di laut; dan
- (f) memberi bantuan semasa bencana alam.

Saya suka mengesyorkan supaya tentera kita selain daripada untuk tanggungan-tanggungan ini akan juga memberi peranan penting mengambil bahagian yang sewajarnya membuat sumbangan dalam segala usaha pembangunan kita supaya sanggup tentera-tentera kita ini, bukan sahaja masa keceemasan, akan tetapi pada bila-bila masa sahaja menolong membantu sama-sama rakyat jelata membena jalan, membuat jambatan, membuka jalan keretapi, membuka tanah baru buat ladang dan sebagainya. Pendeknya, bukan semata-mata berbaris akan tetapi membuat sumbangan dalam segala usaha yang kita jalankan untuk membangunkan negara kita ini. Jadi kalau kita mengadakan perkhidmatan negara (national service) nanti pemuda-pemuda yang kita masukkan dalam perkhidmatan kebangsaan ini dapat juga memberi sumbangan di dalam constructive effort dan di dalam segala usaha pembangunan kita. Dengan cara itu barangkali dapat juga kita menjimatkan wang perbelanjaan yang sekarang diberi kepada kontraktor-kontraktor yang mana kaya menjadi lebih kaya lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada masa 3 minit sahaja lagi.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Terima Kasih. Butiran yang menghabiskan, Tuan Pengerusi.

Dalam rancangan Peraturan Nasional Service yang saya anjurkan tadi saya juga terfikir pada masa ini oleh sebab orang yang suka berkhidmat menjadi askar sahaja masuk tentera kita, terdapat bilangan yang ramai dalamnya dari satu-satu golongan ataupun satu kaum ataupun satu bangsa. Sebab itu

keanggotaan dalam tentera kita tidak membayangkan bentuk rupa umat negara kita dalam negeri ini, tidak membayangkan racial ratio (pembahagian segala bangsa) yang ada dalam negeri kita. Pendeknya, bukan semua bahagian dalam negeri sama-sama memikul kewajiban dan tanggungan. Hanya dengan adanya national service sahajalah dapat setiap kumpulan, setiap kaum, bangsa, setiap racial group dapat memberi sumbangan sama-sama berat, sama-sama tanggung dan kita boleh menghilangkan satu konsep ada satu professional class tentera professional (soldiers). Jadi sekarang ini kalau hendak masuk tentera seseorang itu sendiri memilih untuk menjadi tentera. Kita mahu setiap umat menjadi tentera supaya setiap pemuda dengan sendirinya rela, setuju masuk bekerja dan sama-sama kita membentuk satu konsep baru, satu konsep nasionalisma, satu konsep patriotism, satu konsep sanggup mati, sanggup mempertahankan negeri, sanggup sama-sama bekerja, sama-sama susah.

Setakat ini sahajalah saya hendak bercakap oleh sebab masa terhad, akan tetapi saya tahu apa yang saya kata ini mungkin menimbulkan tentangan. Sekiranya apa yang saya katakan ini tidak diingini oleh orang-orang yang takut hendak berkhidmat, saya harap kita dapat mengadakan satu rancangan supaya kita menanamkan semangat kepada pemuda-pemuda sehingga mereka tidak akan membangkang, tidak akan melawan sebarang peraturan semacam ini akan tetapi sebaliknya semua akan menunjukkan taat setia mereka, kesanggupan mereka, semua sanggup menjadi tentera untuk mempertahankan negeri ini walaupun mengalami berbagai-bagai masaalah (problem) kesusahan dan sebagainya dalam masa 2 tahun mereka berkhidmat.

6.00 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh di atas peruntukan perbelanjaan Kementerian Pertahanan di bawah Kepala Bekalan 22 dan Kepala Pembangunan 22 yang berjumlah \$1,025,611,040. Dengan peruntukan ini dapatlah meninggikan lagi mutu di dalam bidang tentera kita iaitu di dalam bidang ketenteraan laut, udara dan darat. Begitu juga pihak Kerajaan rasa terhutang budi kepada perajurit-perajurit kita yang pada masa ini telah mempertahankan nyawa

mereka terhadap negara kita Malaysia daripada segala ancaman-ancaman, samada ancaman dari luar mahupun ancaman dari dalam. Tambahan pula di dalam negara kita sekarang ini rakyat sedang diancam oleh anasir-anasir komunis dan subersif.

Memandangkan kepada jasa-jasa perajurit kita pada masa ini, maka saya berharap pihak Kerajaan harus mengambil langkah yang lebih berat dan lebih giat lagi untuk memberi segala bantuan di dalam bidang latihan pemulihan dan Kerajaan juga akan dapat memberi pekerjaan-pekerjaan kepada perajurit-perajurit kita itu, samada di pihak Kementerian-kementerian dan pihak swasta kepada mereka yang akan tamat perkhidmatan dan juga kepada bekas-bekas perajurit yang telah tamat di dalam perkhidmatan dengan Angkatan Tentera kita. Pada masa sekarang mereka hanya diberikan latihan perolehan iaitu selama enam hingga lapan bulan.

Saya rasa latihan perolehan yang diberikan oleh pihak Kementerian itu adalah tersangat singkat. Pada pendapat saya latihan itu seelok-eloknya dipanjangkan lagi supaya dapat mereka itu melatih diri selama masa dua tahun di dalam perkhidmatan mereka itu. Maka dengan sebab-sebab inilah mereka dapat dijamin dengan pekerjaan-pekerjaan yang tertentu apabila mereka tamat perkhidmatan selepas mereka berkhidmat dengan Angkatan Tentera kelak. Jika kita bandingkan dengan negara-negara lain, seperti di negara British ataupun Thailand apabila seseorang askar itu telah tamat berkhidmat mereka dengan serta-merta diberi pekerjaan yang tertentu yang diuruskan oleh pihak Kerajaan, baikpun di dalam Jabatan Kerajaan ataupun di pihak-pihak swasta. Saya berharap supaya pihak Kerajaan pertimbangkan dapat diberi latihan perolehan kepada bakal-bakal perajurit, sekurang-kurangnya selama 2 tahun perkhidmatan mereka dengan Angkatan Tentera. Dengan cara ini dapatlah mereka faham tentang latihan-latihan yang diberikan itu dan bersedia dalam menempuh penghidupan baru mereka di dalam bidang-bidang yang telah diperolehi, yang mereka menerima latihan untuk menjadi orang-orang awam biasa. Buat masa ini ramai bekas-bekas perajurit yang sedang menganggur sedangkan anak-anak mereka pula masih di dalam bangku sekolah lagi. Jika dibanci dari

kenyataan perangkaan yang didapati maka kebanyakannya hanya menjadi jaga atupun menjadi driver sahaja. Pekerjaan inipun hanya terhad. Saya berseru moga-moga pihak Kerajaan bersungguh-sungguh dengan giat supaya memberi usaha-usaha yang tertentu kepada Kementerian-kementerian dan juga pihak-pihak swasta supaya dapat mereka memberi jaminan dan menempatkan bekas-bekas perajurit dengan memberi pekerjaan yang sesuai dan menasabah. Jika pihak Kerajaan mengambil berat tentang perkara ini maka moral askar-askar kita akan lebih tinggi dan mereka akan lebih memberi kesediaan mereka berjuang untuk mempertahankan negara kita walaupun berhabis-habisan untuk keselamatan negara.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat ada dua minit sahaja lagi.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pada hari ini kita banyak mendengar masalaah-masalaah dadah di kalangan belia-belia kita, baikpun di asrama ataupun di mana-mana sahaja. Di sini sukalah saya mengingatkan kepada pegawai-pegawai askar kita supaya mengawasi masalaah dadah ini supaya tidak terlibat kepada askar-askar kita pada hari ini. Begitu juga kepada tempat-tempat simpanan senjata hendaklah dikawal dengan lebih ketat lagi supaya tidaklah berlaku kecuaiian ataupun kecurian. Ini amatlah mustahak sekali di mana negara kita hari ini menghadapi berbagai-bagai masalaah.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya suka hendak sentuhkan di sini ialah mengenai dengan anak-anak perajurit kita ini supaya dapat ditempatkan ke dalam hostel-hostel di dalam mendapatkan jaminan persekolahan anak-anak perajurit ini di masa-masa yang akan datang. Kita tahu kebanyakan daripada anak-anak perajurit kita hari ini terbiar dan tidak ditempatkan di dalam asrama-asrama sedangkan bapanya menjalankan tugas-tugas negara, maka sudah sepatutnya pihak Kerajaan mengambil langkah yang sewajarnya terhadap masalaah anak-anak perajurit kita supaya mereka ini diberi bimbingan dan pelajaran yang sewajarnya, tidaklah terdapat sebagaimana anak-anak orang-orang yang tidak dapat menerima pelajaran yang tertentu.

6.08 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (Jasin): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Perbelanjaan yang telah dibekalkan kepada Kementerian Pertahanan yang berjumlah sebanyak \$1,025.6 juta.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Menteri yang berkenaan walaupun beliau menyatakan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pertahanan adalah kurang, tetapi atas semangat yang telah diberi dalam membentangkan Belanjawan Kementerian Pertahanan ini segala kerja-kerja pentadbiran dan kerja-kerja pertahanan tidak terjejas dan kita harapkan usaha ini akan dapat tercapai.

Tuan Pengerusi, sebelum saya mengambil bahagian dalam beberapa perkara iaitu B. 22 dan P. 22 peruntukan Kementerian Pertahanan ini, saya lebih dahulu mengucapkan setinggi tahniah kepada pasukan pertahanan kita iaitu lebih-lebih lagi Infantry Brigade 1 Malaysia di Ipoh yang telah berjaya mendapatkan alat-alat dan bekalan makanan yang dijangka untuk selama dua tahun iaitu pada satu Company di Kroh, Perak. Di samping itu juga semangat pertahanan daripada pasukan tentera kita dan pasukan keselamatan telah berjaya mendapat bahan-bahan makanan di kemah-kemah pasukan kominis di Sarawak baru-baru ini. Ini rasa saya adalah menunjukkan satu jasa baik pasukan tentera dan pertahanan kita sebagai tujuan benar-benar berkhidmat dan mempertahankan negara dari semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh di bawah Kepala B. 22, Pecahan-kepala 2700 dalam peruntukan Pentadbiran dan Perkhidmatan Tentera yang dikehendaki sebanyak \$212.9 juta untuk melaksanakan petadbiran angkatan tentera bagi tahun 1976 hendak mencapai tujuan pasukan keselamatan dan tentera mempertahankan negara.

Tuan Pengerusi, dalam masalaah ini kita semua tahu pasukan tentera kita, saya fikir sebagaimana yang diterangkan baru-baru ini hanya ada 25 brigades. Ini rasa saya tidaklah mencukupi kalau pasukan pertahanan kita hendak mempertahankan negara kita dari musuh-musuh samada dari luar atau khasnya dari dalam iaitu ancaman kominis yang bersenjata sekarang ini. Jadi, dengan ini saya

rasa perlulah Kementerian Pertahanan menambahkan pasukan tentera beberapa brigade lagi di masa hadapan dalam negara kita dan mengambil pemuda-pemuda yang benar-benar harapan bangsa berkhidmat untuk menjayakan cita-cita pertahanan negara pada masa hadapan.

Di samping itu juga saya mengharapkan Kementerian Pertahanan supaya Tentera Wataniah yang telah sedia ada dengan latihan samada yang telah lengkap ataupun kurang lengkap, saya harap sebelum pasukan tentera yang baru diambil, Kementerian Pertahanan patut mengambil dan mengiktiraf Tentera Wataniah yang telah sedia ada itu dijadikan tentera lengkap dan diakui dengan sebenarnya dan bukan sekarang ini tentera wataniah hanya diberi latihan yang kurang cukup tetapi khidmat mereka boleh dikatakan banyak juga jasanya kepada pasukan tentera kita di masa hadapan. Dengan ini Tentera Wataniah yang berumur 40 tahun ke bawah hendak diiktiraf terus menjadi pasukan tentera Malaysia, maka dengan ini rasa saya kita dapat menambah tentera dan kurang memberi latihan tertentu kerana mereka telahpun sedia ada dalam latihan bersenjata mereka hanya kurang dalam latihan intensif yang tertentu untuk menghadapi musuh dari dalam seperti komunis dan dari luar di masa hadapan.

Menyentuh Kepala P. 22, Pecahan-kepala 7 dalam masaalah hendak memberikan bekalan yang cukup ataupun melengkapkan perumahan yang cukup bagi bekas-bekas pasukan tentera, saya rasa ini adalah satu perkara yang amat mustahak. Saya difahamkan oleh bekas-bekas tentera yang telah bersara kebanyakannya tidak mempunyai rumah yang tertentu, kadang-kadang perkara ini boleh menjadikan satu keadaan jatuh hati di kalangan pasukan tentera kita. Mereka bersara setengahnya dengan ketiadaan rumah yang disediakan oleh Kementerian berkenaan atau Kerajaan, mereka terpaksa balik kampung, setengahnya menumpang di rumah saudara-mara dan ibubapa dengan mempunyai tanggungjawab 5-6 orang dan sebagainya dengan pendapatan persaraan yang terlalu kecil. Jadi, ini rasa saya perlulah Kementerian berkenaan melengkapkan setiap askar yang akan bersara dengan diberi perumahan tertentu.

Saya suka juga mencadangkan supaya perumahan dan juga rancangan tanah diberikan untuk bekas tentera itu diperbuat di satu kawasan tertentu. Umpamanya, rancangan tanah pasukan bekas-bekas tentera diadakan di perbatasan, Lebuh raya Timur Barat. Jadi, tiap-tiap tentera yang akan bersara kita letakkan di sana, kita pindahkan dan tempatkan di kawasan tanah tertentu seperti Lebuh raya Timur Barat di Perbatasan antara Thailand dengan Malaysia. Di samping itu kita lengkapkan bekas-bekas tentera kita itu bukan sahaja rancangan tanah, tetapi juga disediakan rumah-rumah dan juga senjata-senjata.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat ada masa dua minit sahaja lagi.

Tuan Haji Ahmad bin Ithnin: Boleh menolong Kerajaan kita untuk mencegah kemaraan anasir-anasir yang akan masuk ke kawasan Malaysia.

Tuan Pengerusi, disebabkan masa singkat, maka saya menyentuh sedikit Pecahan-kepala 4—Pengkalan Tentera Laut. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada khidmat tentera laut yang cukup baik dan banyak khidmatnya di kawasan perairan yang terlalu luas yang ada samada di Malaysia Timur dan Barat, Laut China Selatan dan Selat Melaka. Jadi, saya fikir dengan kekurangan tentera laut ini perlulah Kementerian Pertahanan menambahkan lagi pasukan tentera laut dan saya suka mencadangkan disebabkan laut kita terbuka iaitu Laut China Selatan dan Selat Melaka, maka saya suka mencadangkan tentera laut kita ditambah satu pasukan iaitu tentera kapal selam (submarine). Dengan adanya tentera kapal selam ini untuk menjaga musuh-musuh dari dalam laut.

Tuan Pengerusi: Sampai kepada cadangan kapal selam itu berhentilah, beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat yang lain pula berucap.

6.20 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya juga bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai dengan perbekalan Kementerian Pertahanan yang saya anggap adalah satu daripada Kementerian yang penting mengikut keadaan negara kita pada masa ini.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pertahanan ini adalah berhubung rapat dengan keselamatan negara kita dan bila kita menyebutkan soal keselamatan tentulah kita tidak dapat hendak memisahkan dengan angkara kominis dan penjahat-penjahat kominis kepada keselamatan negara kita. Saya percaya semua pihak sependapat dengan saya sejak saya bersekolah dahulu negara kita sentiasa dikacau oleh angkara kominis, samada kominis dalam negara kita dan juga kominis daripada luar negara kita. Daripada tahun 1948 hingga tahun 1960 kita diharu dan dikacau oleh penjahat-penjahat kominis, demikian juga dalam masa Konfrantasi Indonesia dalam rejim Sukarno telah dihasut oleh kominis juga diganggu-gugat keamanan kita dan pada masa sekarang pun begitu juga. Apa yang saya hendak tekankan dalam ucapan saya yang amat singkat ini iaitu betapa perlunya kita memberikan perhatian yang sepenuhnya terhadap ancaman kominis ini.

Tuan Pengerusi, saya suka juga bercakap bahawa sebenarnya mesyuarat kita pada kali ini adalah penting kerana selain daripada kita hendak memperkatakan atau hendak membahaskan mengenai dengan Anggaran Belanjawan Kementerian Pertahanan untuk tahun 1976 yang akan datang, kita juga dapat bersama-sama untuk hendak mengemukakan pandangan-pandangan supaya Kementerian-kementerian, khususnya Kementerian Pertahanan ini untuk hendak merangkakan pula dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Ketiga yang akan dimulakan pada tahun yang akan datang. Saya suka hendak menekankan di sini supaya perjuangan menentang penjahat kominis hendaklah dijadikan tujuan utama dalam pertahanan negara kita. Ramai rakan-rakan saya tadi telah menyentuh mengenai dengan hal perbatasan dan saya juga begitu, kerana dari segi pengalaman kita penjahat-penjahat kominis memang menggunakan kawasan perbatasan ini untuk menjadikan pusat selain daripada perlindungan mereka semenjak pengunduran mereka pada tahun enam-puluhan, tetapi di situ mereka mengadakan markas untuk hendak menghalakan perjuangan mereka, samada secara urban guerilla ataupun secara perjuangan dalam hutan. Kalau mereka boleh berkubu di situ maka kita juga patut merancang dari sekarang supaya kita berkubu juga di kawasan sempadan sana dan dengan adanya kemudahan setelah terbinanya rancangan

Lebuh raya Timur-Barat, saya rasa kemudahan-kemudahan ini dapat kita pergunakan. Di situ boleh kita adakan selain daripada markas pertahanan kita, Pusat Latihan Tentera Darat, berjuang dalam hutan seperti yang diadakan di Kota Tinggi atau PULADA. Saya rasa kalau di perbatasan itu lebih sesuai lagi kerana benar-benar hutan untuk melatih tentera kita. Selain daripada untuk melatih, kita dapat juga memburu penjahat-penjahat yang sedang bersarang di sana.

Tuan Pengerusi, saya percaya sekiranya kita tidak perkuatkan pertahanan kita di sana saya bimbang setelah siapnya Lebuh-raya kelak tidak ada orang yang akan menggunakan kerana keganasan yang mungkin dilakukan oleh penjahat-penjahat kominis.

Kita masih ingat lagi walaupun pada masa itu saya masih lagi dalam usia kanak-kanak sekolah, pada masa Jepun datang ke negara kita walaupun negara jiran itu mengakui bahawa ia setia dan akan mempertahankan negaranya dari digunakan oleh Jepun untuk menyerang kita tetapi bila sampai masanya daripada jalan itu juga Jepun mara ke negara kita. Berdasarkan kepada pengalaman ini dan juga untuk hendak menghapuskan gerakan kominis yang saya percaya mereka akan menggunakan, kalau boleh buat selamalamanya kawasan perbatasan itu menjadi kubu mereka untuk mengacau ketenteraman negara kita.

Tuan Pengerusi, sudah sampailah masanya kita berdiri di atas kaki sendiri walaupun ini terpaksa memakan belanja yang besar dan memakan masa yang panjang, tetapi patut kita rancangan. Maksud saya, walaupun kita melaong-laongkan negara kita berdasarkan "setiakawan", hendakkan keamanan, tetapi patutlah kita melengkapkan seberapa yang boleh, kalau tidak pun dengan alat-alat senjata yang berat, alat-alat senjata yang ringan-ringan patutlah kita cuba buat sendiri samada menerusi badan-badan berkanun, seperti PERNAS dan sebagainya joint-venture dengan negara-negara yang mengeluarkan senjata supaya kita mengadakan kilang-kilang, sekurang-kurangnya senjata-senjata ringan sebagaimana yang saya katakan tadi. Kita berasa bangga bahawa kita telahpun berjaya mengadakan kilang peluru tetapi saya rasa setakat ini tidak mencukupi. Dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Ketiga sekurang-kurangnya adalah cara-cara

kita buat untuk menuju kepada apa yang saya katakan tadi. Memanglah kita tidak dapat menidakkan kejayaan-kejayaan yang telah dijalankan oleh Angkatan Bersenjata kita, misalnya pada masa mula-mula kita mengadakan Tentera Udara, kita ada Angkatan Pasukan Squadron Kapalterbang Pioneer yang sekarang kita dapat melihat di Muzium Negara. Saya percaya, bukan saya sahaja tetapi Tuan Pengerusi pun kalau ditawarkan naik kapalterbang itu kita akan berfikir dua kali, kerana kapalterbang yang ada pada masa mula-mula kita mencapai kemerdekaan, tetapi alhamdulillah, sehingga sekarang kita ada F. 5 dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat ada 2 minit sahaja lagi.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Pengerusi, saya rasa ada 4 minit lagi biarlah saya berhentikan ucapan saya ini untuk memberi peluang kepada rakan saya yang di sebelah ini kerana masa tidak mengizinkan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): *(Bangun)*.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya rasa masa sudah tidak ada lagi kalau Ahli Yang Berhormat dari Sepang hendak bercakap pun. Saya hanya hendak menerangkan bahawa pada hari esok akan diberi peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab dan sesudah itu akan diteruskan perbahasan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Azahari bin Md. Taib: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 4hb Disember, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.